



Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR

AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْحِ الْمَنَارِ
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2025

FAKULTI PERAKAUNAN
JARINGAN ALUMNI, KOMUNITI DAN
KESUKARELAWAN

KETUA PTJ :

NORLI BINTI ALI

KETUA UNIT KUALITI :

NORMAHIRAN BINTI YATIM

PENYELARAS :

NUR ADURA BT AHMAD NORUDDIN @ NORDIN

PENULIS :

1. EZURYA BINTI RATHI
2. SUHAILY BINTI HASNAN
3. SUHAILY BINTI HASNAN
4. MOHAMAD SHAHRIL BIN ISAHAK
5. HALIL BIN PAINO
6. NAZREEN BINTI SAHOL HAMID
7. MOHD FAIRUZ BIN ADNAN

8. PUTEH MARIAM BINTI ISMAIL
9. NORAZIAN BINTI HUSSIN
10. ASYAARI ELMIZA BIN AHMAD
11. SERI AYU MASURI BINTI MD DAUD
12. NURUL FATMA BINTI AZIZ @ AWANG
13. NOR ADILA BINTI ZULKIFLI
14. NUR HAYATI BINTI AB SAMAD
15. KAMARUZZAMAN BIN MUHAMMAD
16. NURHAZRINA BINTI MAT RAHIM
17. NOR FARIZAL BINTI MOHAMMED
18. NIK ANIS IDAYU BINTI NIK ABDULLAH
19. NORILMIAH BINTI AZIS
20. RABIAINI BT AB. RAHMAN
21. MUTHYAAH BINTI MOHD JAMIL
22. NADIAH BT ABD. HAMID
23. YUSRI HAZROL BIN YUSOFF
24. MOHAMAD EZRIEN BIN MOHAMAD KAMAL
25. NUR SYUHADA BINTI JASNI
26. Y. NURLI BINTI ABU BAKAR
27. NUR ADURA BT AHMAD NORUDDIN @ NORDIN
28. NORMAHIRAN BINTI YATIM
29. BEDAH BT AHMAD
30. ROHAYU BINTI YUSOP
31. HABIBAH BINTI HAMZAH
32. ANISAH BINTI MAHMOOD
33. ERLANE K GHANI
34. RAZANA JUHAIDA BINTI JOHARI
35. NURSHAMIMI BINTI SABL
36. NUR AINI BINTI DERAMAN
37. EZURYA BINTI RATHI

38. NORLI BINTI ALI

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kepimpinan kanan FPN sentiasa proaktif dalam mengenal pasti ruang **penambahbaikan** secara berterusan bagi memperkasa pelaksanaan projek dan aktiviti fakulti. Di samping itu, fakulti turut giat meneroka peluang strategik melalui jaringan sedia ada bagi meraih manfaat bersama antara pihak berkepentingan. Usaha ini termasuklah inisiatif mendapatkan sumber pembiayaan luaran untuk menjamin kelangsungan aktiviti dan pembangunan fakulti. Secara keseluruhannya, pimpinan kanan FPN menzahirkan ciri-ciri kepimpinan berwibawa, berpandangan jauh dan berorientasikan hasil. Keutuhan struktur tadbir urus, ketelusan pelaksanaan serta semangat kolaboratif yang tinggi telah meletak Pimpinan kanan FPN menitikberatkan **perancangan** jitu inisiatif **JAK** bertaraf global. Ini dilaksanakan melalui Perancangan Strategik (PS) FPN yang mengutamakan **keterlibatan semua warga** bagi menyokong inisiatif **Globally Respected 2024** ke arah pencapaian **Globally Renowned 2025**. PS bagi JAK 2024 telah diformulasikan agar selari dengan halatuju GRU2025.

Bertemakan **Alumni Berdaya, Komuniti Progresif, Nilai Lestari, perancangan** yang mampan **berlandaskan PSUiTM2025** dimulakan menerusi perbincangan di mesyuarat Majlis Pengurusan Eksekutif (MPE) FPN berserta mesyuarat khas bersama pensyarah-pensyarah yang berpengalaman serta input panel rakan industri yang dilantik. Di sini, aspirasi negara, profesion dan UiTM diterjemahkan dalam rangka kerja komprehensif yang memberi tumpuan kepada **memperkukuhkan JAK sebagai komponen utama dalam ekosistem pendidikan lestari**.

Perlaksanaan bidang tumpuan oleh PJI menerusi **3 projek utama JAK: *Dynamic Linkages, Impactful USR/KTP dan Factrepreneurial*** melibatkan kesemua warga melalui **FACT Talent Cluster** sebagai *Special Purpose Vehicle*. Setiap jabatan yang diketuai oleh Timbalan Dekan dan Timbalan Pendaftar Kanan dilantik sebagai ketua setiap projek yang akan dilaksanakan dan dijalankan oleh ahli-ahli fakulti yang dilantik. Penglibatan bersama oleh ketua setiap jabatan FPN ini akan memastikan setiap projek yang dirancang akan dilaksanakan dan mencapai sasaran yang ditetapkan.

Pemantauan menyeluruh secara berkala bagi merealisasikan halatuju strategi FPN dilaksanakan secara berterusan melalui siri mesyuarat pengurusan (MPE & MKSP) oleh pimpinan kanan FPN secara berkala. Ini adalah untuk memastikan projek dijalankan dan memenuhi sasaran. Status pelaksanaan projek dibenteng oleh ketua jabatan FPN di mesyuarat bulanan di MPE di samping pembentangan pencapaian prestasi berdasarkan indikator prestasi yang diamanahkan. Perhatian diberikan kepada projek-projek yang bermasalah untuk dilaksanakan seperti yang dilaporkan ketua projek melalui ketua jabatan. MPE memfokuskan perbincangan penyelesaian kepada isu yang menghalang pelaksanaan projek tersebut. Cadangan penyelesaian akan dimaklumkan kepada pihak bertanggungjawab untuk tindakan segera.

Kepimpinan FPN sentiasa proaktif dalam **mengenal pasti ruang penambahbaikan secara berterusan** bagi memperkukuh pelaksanaan projek dan aktiviti fakulti, termasuk melalui penubuhan Talent Cluster mengikut bidang tujuhan, **pelantikan Alumni Ambassadors** sebagai pemangkin strategik, serta **pelaksanaan program inovasi sosial berimpak tinggi**. Secara keseluruhannya, pimpinan FPN menampilkan ciri kepimpinan berwibawa, berpandangan jauh dan berorientasikan hasil. Selain itu, pimpinan FPN turut menyerlah di peringkat antarabangsa melalui keupayaan **menganjur dan menggerakkan penglibatan dalam kesukarelawanan seperti International SULAM** (Knowledge Transfer) Programmes yang berteraskan Service Learning serta diselaraskan dengan elemen Sustainable Development Goals (SDG), di samping memimpin program **kesukarelawan** melalui pelaksanaan **International Volunteerism Programmes**. Keutuhan struktur tadbir urus, ketelusan pelaksanaan dan semangat kolaboratif yang tinggi, ditambah dengan pengiktirafan

seperti Academic Leadership Award serta peranan Dekan sebagai Pengerusi Majlis Dekan Perakaunan, telah meletakkan FPN sebagai peneraju kecemerlangan, selaras dengan misi universiti, aspirasi negara dan piawai badan profesional bertaraf antarabangsa.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Berpandukan **matlamat** “*To become a leading reference centre and a catalyst to the accounting profession*” dengan **aspirasi** untuk menjadi *Globally Renowned Faculty*, FPN di bawah pimpinan **Dekan** bergerak pantas seiring keperluan global dan aspirasi UiTM dalam mencapai Misi dan Visi UiTM2025. Kepimpinan kanan komited dalam memperkukuhkan JAK sebagai komponen utama dalam pembentukan ekosistem pendidikan lestari dan berimpak tinggi.

Selaras dengan Perancangan Strategik FPN dan aspirasi UiTM2025, **pelbagai pendekatan dan inisiatif dilaksanakan** untuk mengukuhkan jaringan bersama pemegang taruh melalui **model kepimpinan** mantap yang **melibatkan semua** peringkat staf FPN di kampus utama dan cawangan, pelajar serta rakan industri termasuk badan profesional.

Pendekatan berdasarkan fungsi di PJI diketuai oleh **TDPJI, dibantu oleh TDA, TDHEP, TPK dan koordinator ICAN**, merangka dan melaksana projek bidang tumpuan **JAK** dalam mengukuhkan jaringan bersama pemegang taruh bagi memastikan ianya **sejajar** dengan keperluan akademik, pembangunan pelajar dan staf. **Portfolio PJI diperkukuhkan** dengan pelantikan **3 penyelarass** dan gandingan kerjasama tersebut **melonjakkan pencapaian iSKOR-UiTM FPN (JAK)** kepada 100% (2024) berbanding 98% (2021). [Bukti-1] memaparkan struktur kepimpinan kanan FPN dan PJI.

FPN telah berjaya menggerakkan PI melalui **pelbagai inovasi** yang berfokuskan perancangan strategik 2024 iaitu **Globally Respected** menerusi **3 projek utama**: *Dynamic Linkages*, *Impactful USR/KTP* dan *Factrepreneurial*. Inovasi-inovasi kepimpinan kanan dapat dilihat melalui pendekatan berikut:

1. Penubuhan *Talent Cluster* Mengikut Bidang Tujahan FPN

Penjenamaan semula **FACT Research Cluster** menyaksikan penubuhan **8 FACT Talent Cluster** sebagai **Special Purpose Vehicle** menggerakkan projek strategik melalui kerjasama bersama industri, alumni, kampus cawangan dan komuniti. Setiap kluster melaksanakan sekurang-kurangnya satu projek berimpak JAK, sekali gus memperkukuh tiga projek utama fakulti [Bukti-2].

2. Pelantikan *Alumni Ambassadors* sebagai Pemangkin Strategik

Seramai 46 alumni elit FPN dilantik sebagai **Alumni Ambassadors** bagi mengukuhkan jaringan strategik melalui penglibatan aktif dalam **program pembangunan pelajar** dan **sumbangan tajaan**. Program **Alumni Homecoming** pula menempatkan mereka sebagai mentor pelajar, sekaligus memperkasa agenda **Dynamic Linkages** dan **Factrepreneurial**. [Bukti-3].

3. Inovasi Sosial FPN melalui Pemerkasaan Komuniti Berkeperluan

Sebagai pelengkap kepada agenda **Impactful USR/KTP**, FPN telah melaksanakan beberapa program berimpak tinggi yang berfokus kepada pembangunan komuniti **berkeperluan dan kesukarelawan** [Bukti-4]:

a) Program USR bersama Rumah Kasih Harmoni

Penguasaan asas 3M dan pembentukan jati diri anak-anak yatim dan asnaf dengan sokongan Yayasan Bank Rakyat (**Impactful USR/KTP**).

b) Program USR Sekolah Menengah

Pengajaran Prinsip Perakaunan, pendedahan MFRS kepada guru, ceramah kerjaya dan latihan koperasi sekolah (**Dynamic Linkages**).

c) Program iASNAF & Literasi Kewangan

Melibatkan 420 peserta usahawan asnaf di 11 negeri melalui iAsnaf ACT bersama Maybank Islamic, dengan pemantauan oleh 44 pelajar FPN (**Factrepreneurial dan Impactful USR/KTP**).

4) Program COLAB bersama PKK

Pelajar menganalisis industri, menemu-bual pemilik PKS dan mencadangkan strategi penambahbaikan perniagaan (**Dynamic Linkages dan Impactful USR/KTP**).

Perancangan sistematik kepimpinan kanan membudayakan program pengiktirafan kejayaan cemerlang staf dan perkongsian kejayaan dalam bidang tumpuan. Ini dilaksanakan melalui **Majlis Anugerah Kecemerlangan Fakulti 2024** dan **pemeriksaan media sosial** dalam menghebahkan kejayaan staf dan perkongsian pengetahuan [Bukti5-5a].

Kepimpinan kanan FPN melalui anugerah **Academic Leadership Award** yang dimenangi oleh Dekan pada Majlis Anugerah Akademik UiTM pada 4 Januari 2024, pelantikan sebagai Pengerusi Majlis Dekan Perakaunan dan Ketua Jabatan Perakaunan Universiti Awam [Bukti5-5b].

SENARAI BUKTI:

1. [F0014_K01_KB02_20251_1.2 \(Bukti 1\) Struktur Kepimpinan Kanan FPN dan PJI.pdf](#)
2. [F0014_K01_KB02_20252_1.2 \(Bukti 2\) FACT Talent Cluster.pdf](#)
3. [F0014_K01_KB02_20253_1.2 \(Bukti 3\) Aktiviti Alumni Ambassadors.pdf](#)
4. [F0014_K01_KB02_20254_1.2 \(Bukti 4\) Inovasi Sosial Fakulti melalui Pemeriksaan Komuniti Berkeperluan.pdf](#)
5. [F0014_K01_KB02_20255_1.2 \(Bukti 5a & 5b\).pdf](#)
6. [F0014_K01_KB02_20251_1.2 \(Bukti 1\) Struktur Kepimpinan Kanan FPN dan PJI.pdf](#)
7. [F0014_K01_KB02_20252_1.2 \(Bukti 2\) FACT Talent Cluster.pdf](#)
8. [F0014_K01_KB02_20253_1.2 \(Bukti 3\) Aktiviti Alumni Ambassadors.pdf](#)
9. [F0014_K01_KB02_20254_1.2 \(Bukti 4\) Inovasi Sosial Fakulti melalui Pemeriksaan Komuniti Berkeperluan.pdf](#)
10. [F0014_K01_KB02_20255_1.2 \(Bukti 5a & 5b\).pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Kepimpinan Kanan FPN secara konsisten dan efisien menggembelng tenaga **memperluaskan pelaksanaan objektif kualiti dan pelan inisiatif strategik UiTM2025** selaras dengan misi dan visi UiTM2025 dalam bidang tumpuan JAK. **Strategi utama** yang dilaksanakan bukan sahaja memastikan keberhasilan, malah turut melibatkan penggembelngan menyeluruh seluruh ekosistem FPN. Antaranya, **mewajibkan penglibatan** kesemua staf FPN dalam **Talent Cluster** mengikut bidang kepakaran masing-masing [Bukti-1]. Strategi ini **mengoptimumkan potensi kepakaran dalaman** sekaligus memastikan **keberkesanan pelaksanaan JAK**. Di samping itu, **sistem sokongan yang mantap** disediakan menerusi inisiatif Alumni Ambassador, Alumni Homecoming [Bukti-2], program inovasi sosial [Bukti-3a], serta program keusahawanan pelajar dan komuniti [Bukti-3b]. Strategi ini membina **jambatan kukuh antara fakulti, alumni, komuniti, dan rakan industri**.

Di peringkat fakulti, perluasan maklumat dilaksanakan secara sistematik melalui:

1. **Mesyuarat Staf Akademik** setiap awal dan akhir semester bagi **mewujudkan ruang perkongsian maklumat** secara bersemuka dan dua hala [Bukti4-4a1].
2. **Platform elektronik** seperti laman sesawang, WhatsApp dan emel sebagai **medium penyebaran** berkesan [Bukti4-4a2].
3. **FACT E-Newsletter** bertindak sebagai **saluran e-print rasmi** [Bukti4-4a3].

Di peringkat UiTM, Nasional dan Global, perluasan strategik menerusi:

1. **Program Pemindahan Ilmu** melalui komersilasi produk pensyarah seperti **iAsnaf ACT 2024 (MyIPO No. IP/CR/03971)** dan **STOM (MyIPO No. IP/CR/04345)** [Bukti4-4b1].
2. **Libat sama industri** dengan Teras, usahawan asnaf Teras, Hatimuda Sdn Bhd dan PTJ UiTM menjadi contoh nyata kerjasama strategik [Bukti4-4b2].
3. **Saluran digital** seperti aplikasi **Accounting Card Challenge** [Bukti4-4b3].
4. **Laman sesawang FPN**, dan media sosial rasmi FPN seperti Facebook, Instagram dan Twitter turut **memperluas capaian ke luar UiTM** [Bukti4-4b4].
5. **Amanat Dekan** pada awal tahun bersama warga FPN termasuk pensyarah FPN Kampus Cawangan [Bukti4-4b5] sebagai **instrumen penyampaian maklumat** keseluruhan cawangan.
6. **Penyertaan bersama program-program** anjuran Malaysian Institute of Accountants, Jabatan Akauntan Negara, Jabatan Audit Negara, dan Mesyuarat Majlis Dekan dan Ketua Jabatan Perakaunan [Bukti4-4b6].
7. **Pertemuan dan perbincangan** dengan pihak alumni, industri dan komuniti [Bukti4-4b7] dan
8. **Pemerteraian MOU/MOA** bersama rakan strategik [Bukti4-4b8] mengukuhkan lagi ketampakan FPN di pentas nasional dan antarabangsa.

Impak daripada strategi bersepadu perluasan efektif ini jelas terbukti. **Kolaborasi** dengan alumni, industri, komuniti dan badan profesional seperti CIMA, ACCA, MICPA, PwC serta agensi kerajaan termasuk Kementerian Ekonomi [Bukti-5a] memperlihatkan pengiktirafan tinggi terhadap keupayaan FPN.

Aktiviti utama seperti Alumni Ambassadorship, JPro, SULAM, USR Sekolah Menengah, Projek i-Asnaf dan Kursus Pembangunan Modal Insan Usahawan Sosial: Financial Literacy Programme yang dianjurkan dengan kepercayaan penuh oleh Kementerian Ekonomi **memperkukuh nilai tambah fakulti**. Malah, **sokongan penajaan** daripada Maybank untuk Projek i-Asnaf serta Yayasan Bank Rakyat bagi Rumah Kasih Harmoni **menunjukkan keyakinan kukuh pemegang taruh** terhadap nilai lestari yang disampaikan FPN.

Strategi perluasan yang efisien, sistematik dan menyeluruh di peringkat UiTM, nasional dan global **terbukti berkesan** dengan pencapaian FPN di **AKPU 2024** seperti [Bukti5-5b].

1. Anugerah Bintang Pusa bertanggung jawab
2. Anugerah Transformasi Kecemerlangan Penjana Pendapatan
3. Anugerah Kolaborasi Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran

Secara keseluruhannya, **strategi perluasan** kepimpinan kanan FPN yang inklusif, menyeluruh dan berimpak tinggi telah menghasilkan kesan nyata bukan sahaja kepada UiTM, tetapi juga komuniti dan pemegang taruh strategik. Strategi ini selari dengan tema *Alumni Berdaya, Komuniti Progresif dan Nilai Lestari*, sekali gus menzahirkan peranan FPN sebagai pemacu transformasi pendidikan, keusahawanan dan kesejahteraan sosial di Malaysia serta peringkat global.

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_K01_KB03_20251_1.3 \(Bukti 1\) FACT Talent Cluster.pdf](#)
2. [F0014_K01_KB03_20252_1.3 \(Bukti 2\) Aktiviti Alumni Ambassadors.pdf](#)
3. [F0014_K01_KB03_20253_1.3 \(Bukti 3a & 3b\).pdf](#)
4. [F0014_K01_KB03_20254_1.3 \(Bukti 4a1, 4a2 & 4a3\).pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Kepimpinan kanan secara konsisten **menitikberatkan pemantauan, pengurusan dan analisa risiko** bidang tumpuan JAK. Seiring halatuju UiTM2025, pimpinan kanan FPN secara berkala melaksanakan pemantauan yang lebih efektif melalui Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) bulanan, Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP), Mesyuarat Pengurusan Risiko dan Mesyuarat Perancangan Strategik (MPS) (BUKTI 1). Dalam memperkasakan proses pemantauan yang lebih efektif, pimpinan FPN turut menjalankan siri audit dalam dan penilaian sendiri, serta maklumbalas oleh pemegang taruh.

1. Mekanisma Pemantauan Dalaman:

- a) **Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (Bulanan)**: Merancang, meneliti risiko, dan membuat keputusan berkaitan bidang tumpuan.
- b) **Mesyuarat Perancangan Strategik (Suku tahunan)**: Memantau pelaksanaan inisiatif projek bidang tumpuan.
- c) **Mesyuarat Pengurusan Risiko (Suku tahunan)**: Memantau pengurusan risiko seperti risiko strategik, pengurusan dan operasi.
- d) **Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (Setiap 6 bulan)**: Membincangkan pencapaian objektif kualiti, pencapaian perancangan strategik, maklumbalas pelanggan dan laporan audit dalam.
- e) **Audit Dalaman dan Penilaian Kendiri (Tahunan)**: Memantau pencapaian strategik objektif
- f) **Mesyuarat JK ICAN Fakulti**: Memantau, progress keterlibatan Alumni Ambassador (2022 dan 2024) yang dilantik.

2. Mekanisma pemantauan luaran adalah menerusi **maklumbalas pemegang taruh** menerusi siri libatsama.

Penganalisaan, pengenalpastian punca kegagalan, pelaksanaan sistem intervensi dibuat secara sistematik ke atas data aktiviti JAK secara berkala (bulanan, suku/dwi tahunan atau mengikut keperluan). Data yang digunakan merangkumi **laporan pencapaian berkala BTU, laporan kepuasan pelanggan dan maklumbalas pemegang taruh serta komunikasi berterusan bersama komuniti perakaunan** yang terdiri daripada badan profesional, kementerian dan pihak industri yang menjadi **mekanisme pemantauan** pencapaian objektif dan inisiatif strategik JAK.

Penggunaan **media sosial** sebagai **mekanisme penyebaran maklumat** kepada pihak-pihak berkepentingan merupakan salah satu **proses pemantauan dan penerimaan maklumbalas** dari pemegang taruh. Pimpinan kanan FPN secara aktif, menggunakan platform media sosial seperti **WhatsApp, Facebook, Instagram, twitter** dan platform rasmi seperti **emel** serta laman sesawang secara meluas dalam usaha pemantauan (BUKTI 2).

Maklumbalas yang diterima menerusi capaian di media sosial diperolehi secara terus dan telus dan ini memberi peluang yang pantas untuk FPN bertindak. Selain itu, pada peringkat akhir sesuatu aktiviti/projek, para peserta akan mengisi borang maklumbalas bagi memantau keberkesanan aktiviti/program yang telah dianjurkan. Analisa tahap kefahaman dan kepuasan hati dijadikan pengukur keberkesanan program yang dijalankan untuk penambahbaikan pada program yang akan datang.

SENARAI BUKTI:

1. [F0014 K01 KB04 KC01 20251 Bukti-1-FPN Pemantauan 1.4.1.pdf](#)

2. [F0014_K01_KB04_KC01_20252_Bukti-2-FPN_Pemantauan 1.4.1.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Kepimpinan kanan FPN menjadikan **Arahan Dasar dan Mekanisme Pengurusan Risiko UiTM** sebagai sumber rujukan utama dalam **mengenalpasti, menganalisa, menilai, mengkategorikan, dan mengawal risiko**. Pendekatan ini memastikan fakulti bukan sahaja bersedia menghadapi cabaran semasa, malah mampu **mengurus ketidakpastian secara proaktif dan sistematik**.

Tiga langkah efektif menjadi teras pelaksanaan termasuklah:

1. **Setiap jabatan bertanggungjawab mengenalpasti risiko dan punca** berlakunya risiko. Ini membenarkan fakulti memahami akar masalah sebelum ianya berkembang.
2. **Tindakan pencegahan diambil** bagi memastikan setiap risiko dapat dikawal dan diatasi dengan baik.
3. **Memantau risiko secara berkala** oleh jawatankuasa Pengurusan Risiko untuk memastikan ianya berjaya dikawal.

Jika wujud risiko baharu, **pelan mitigasi segera dibentuk** untuk memastikan ia dapat diatasi tanpa menjejaskan operasi fakulti (Bukti 3).

Lima kategori risiko yang dikenalpasti adalah seperti:

1. **Risiko Strategik:** Cabaran kepada halatuju dan objektif JAK di FPN dalam mencapai visi, misi dan objektif kualiti serta penarafan UiTM seperti iScore UiTM dan pencapaian Malaysian Research Assessment (MYRA).
2. **Risiko Kewangan:** Merujuk kepada kekangan pembiayaan bagi melaksanakan setiap inisiatif strategik dan aktiviti berimpak tinggi.
3. **Risiko Perundangan dan Reputasi:** Bertumpu kepada implikasi perundangan dan implikasi kepada imej dan ketampakan FPN.
4. **Risiko Operasi:** Merangkumi keberkesanan proses kerja harian,
5. **Risiko Projek Utama:** Tertumpu kepada pencapaian projek atau inisiatif strategik yang dijalankan oleh FPN.

Penilaian risiko dilakukan menggunakan matriks impak (Bukti 4), dengan mengambil kira kebarangkalian dan tahap kesan terhadap reputasi, kewangan, operasi dan objektif strategik. Empat tahap penilaian digunakan: **Rendah, Sederhana, Tinggi dan Ekstrem**. Risiko tahap Ekstrem menjadi keutamaan untuk tindakan segera, diikuti Tinggi, Sederhana dan Rendah.

Melalui pendekatan ini, pimpinan kanan FPN dapat memastikan sebarang **risiko kritikal ditangani dengan segera** tanpa menjejaskan prestasi fakulti. Pada masa sama, **risiko kecil tetap dipantau** agar tidak berkembang menjadi isu besar. Strategi pengurusan risiko ini bukan sahaja memperkukuh daya tahan fakulti, tetapi juga meningkatkan keyakinan pemegang taruh terhadap keupayaan FPN sebagai pusat kecemerlangan UiTM.

Pendekatan komprehensif ini membuktikan bahawa pimpinan kanan FPN bukan sahaja komited terhadap tadbir urus berkesan, tetapi juga berperanan sebagai pemacu utama dalam memastikan keberlangsungan misi, visi, dan aspirasi UiTM2025. **Keupayaan mengurus risiko secara strategik** ini akhirnya menyumbang kepada penghasilan nilai lestari, memperkukuh reputasi fakulti, serta meningkatkan keyakinan pemegang taruh di peringkat nasional dan global.

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_K01_KB04_KC02_20251_Bukti-3-FPN-FPN_Kenalpasti Risiko 1.4.2.pdf](#)
2. [F0014_K01_KB04_KC02_20252_Bukti-4-FPN_Kenalpasti Risiko 1.4.2.pdf](#)

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kepimpinan kanan melaksanakan (i) kajian semula dan (ii) tindakan penambahbaikan bagi bidang tumpuan agar objektif dan inisiatif strategik berjaya dicapai. Antara tindakan penambahbaikan yang dilaksanakan termasuklah **perancangan sistematik** yang disusuli mekanisme pelaksanaan dan **pemantauan yang telus** dengan mengambil kira risiko-risiko yang terlibat. Kepimpinan kanan memastikan **semakan risiko dari peringkat awal**, seiring dengan perancangan objektif dan inisiatif strategik.

Pemantauan bermula seawal analisa data dibuat bagi **mengenalpasti inisiatif yang belum dicapai** dan **halangan-halangan dalam pelaksanaan inisiatif**. Pemantauan dilakukan terhadap risiko sedia ada dan baharu dan **tindakan efektif** diambil bagi risiko-risiko tersebut. **Pengemaskinian tahap risiko** yang dibuat secara berterusan dan penambahbaikan strategi berdasarkan kajian semula membantu FPN mencegah dan meminimumkan tahap risiko yang bakal dihadapi.

Kepimpinan kanan menganalisa dan melakukan **perbincangan secara berkala** melalui siri mesyuarat, siri audit dalam, penilaian sendiri dan maklumbalas pemegang taruh menyumbang kepada hasil **tindakan penambahbaikan prestasi**. Penilaian maklumat hasil tindakan penambahbaikan yang diperolehi dari laporan pencapaian objektif dan inisiatif strategik JAK dibuat berdasarkan impak penambahbaikan ke atas pencapaian objektif dan inisiatif strategik berkaitan. **Hasil analisa dijadikan panduan** dalam melaksanakan langkah-langkah intervensi. **Proses Tindakan Penambahbaikan Prestasi FPN** diamalkan melalui:

- 1) **Pemantauan berkala**: Siri mesyuarat, siri audit dalam, penilaian sendiri dan maklumbalas pemegang taruh (Laporan pencapaian objektif dan inisiatif)
- 2) **Tindakan penambahbaikan prestasi**: Siri mesyuarat peringkat pentadbiran setiap unit (Laporan pemantauan berkala)
- 3) **Hasil Tindakan penambahbaikan**: MPE, MKSP (Laporan Tindakan penambahbaikan)

Dalam memastikan tema JAK 'Alumni Berdaya, Komuniti Progresif, Nilai Lestari' berserta objektif dan inisiatif strategik dapat dicapai, pimpinan kanan turut memberi penekanan terhadap aspek intervensi secara bersasar menerusi mekanisme sebaran maklumat seperti **taklimat umum dan bersasar** (ahli projek pelan strategik), **sesi mesyuarat akademik**, **perjumpaan dengan warga secara fizikal dan maya**, atau **pemakluman melalui media elektronik**.

Sesi **perjumpaan staf bersama dekan** dijalankan secara berkala sebagai platform penyampaian hasil analisis tersebut. Penyampaian **hasil analisis dan perbincangan** kepada warga FPN ditekankan dalam mencapai objektif dan inisiatif strategik. Perkongsian dan **pemakluman hasil analisa** berkaitan secara menyeluruh dibuat oleh pimpinan kanan dengan **kadar segera** kepada warga FPN agar mereka faham dan bersama-sama menangani cabaran dan mengatasi risiko yang boleh menjejaskan pencapaian bidang tujahan JAK (BUKTI 5).

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_K01_KB04_KC03_20251_Bukti-5_FPN_Mengkaji Semula Tindakan Penambahbaikan - 1.4.3.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kepimpinan kanan FPN sentiasa menerapkan amalan dan pembudayaan JAK yang selari dengan misi, visi dan objektif FPN, UiTM dan KPT di kalangan warga fakulti. Kepimpinan ini **menekankan kepentingan pembudayaan JAK di kalangan seluruh warga fakulti** agar setiap aktiviti, keputusan, dan inisiatif yang dijalankan dapat memberi impak positif kepada fakulti dan pihak berkepentingan. Kepimpinan kanan turut memberi penekanan kepada usaha **membudayakan objektif dan inisiatif strategik fakulti** yang dirancang khusus bagi bidang tumpuan JAK. Pendekatan ini memastikan setiap **strategi dan perancangan yang digariskan tidak beroperasi secara terasing**, tetapi disepadukan dalam keseluruhan budaya fakulti agar memberi kesan yang menyeluruh serta berterusan.

Salah satu pendekatan utama kepimpinan kanan ialah melalui usaha **memperkuh hubungan strategik** bersama rakan industri, badan profesional, institusi akademik lain, serta masyarakat bagi **memperkuh kedudukan fakulti sebagai institusi yang relevan dan dihormati** dalam dunia akademik serta industri. Justeru, **seluruh warga FPN** digalakkan untuk **melibatkan diri dalam inisiatif JAK** seperti *Dynamic Linkkages, USR/KTP dan Factreprenurial* bersama **industri dan alumni sebagai rakan strategik** yang bukan sahaja meningkatkan keterlihatan FPN tetapi juga membina **ekosistem kolaboratif** yang memberi manfaat kepada pelajar, pensyarah dan pemegang taruh. Pembudayaan inisiatif ini memastikan industri dan alumni terus dekat dengan fakulti dan **menyumbang kepada peningkatan reputasi serta kebolehpasaran graduan**.

Di dalam memperkasakan bidang tumpuan JAK barisan kepimpinan FPN menerapkan sikap toleransi dan **membudayakan #togetherness** di mana warga FPN digalakkan menyertai program anjuran fakulti seperti program JOM SIHAT, penyertaan Talent Cluster dan Merdeka Month Celebration (Office decoration competition, Merdeka Brisk Walk, Merdeka Themed Attire, Merdeka Performances) (BUKTI 1). Disamping itu, pemupukan **budaya prihatin, tanggungjawab sosial, dan semangat kebersamaan** dalam kalangan warga fakulti dititikberatkan. Aktiviti sukarelawan yang **disepadukan dalam program fakulti**, seperti *community service dan SULAM*, bantuan bencana, dan khidmat pendidikan komuniti (USR/KTP), menjadikan **nilai kesukarelawanannya sebanding dengan identiti warga FPN** dan selari dengan budaya **#togetherness** yang diamalkan di fakulti.

Kepimpinan kanan melaksanakan tanggungjawab berpandukan **akuntabiliti** sebagaimana yang diharapkan oleh para pemegang taruh. Kemantapan bidang tumpuan JAK menampakkan FPN sebagai satu fakulti yang mampu bergerak dengan lebih maju di masa hadapan. Selaras dengan aspirasi UiTM secara amnya, kepimpinan kanan FPN sentiasa memacu warga fakulti ke arah yang lebih cemerlang dalam memartabatkan lagi kejayaan FPN ke peringkat yang lebih baik.

Selain itu, kepimpinan FPN turut memacu kecemerlangan akademik dan pengurusan fakulti melalui **pengukuhan struktur organisasi RICAEN**. Kecekapan kepimpinan ini membolehkan fakulti terus menggembeling usaha secara bersepadu, bukan sahaja dalam memantapkan JAK ke tahap tertinggi, tetapi juga dalam meningkatkan jaringan kerjasama bersama pemegang taruh yang pelbagai. Hasilnya, FPN mampu memperkuh reputasi, menyumbang kepada pembangunan bangsa, serta memartabatkan bidang perakaunan di persada antarabangsa.

Secara keseluruhannya, setiap objektif dan inisiatif strategik yang digariskan **diterjemahkan secara menyeluruh ke dalam budaya kerja dan aktiviti fakulti**. Dengan pengukuhan jaringan strategik, penglibatan aktif alumni, dan pembudayaan nilai kesukarelawanannya, FPN dapat memastikan setiap strategi yang dirancang bukan sahaja memberi impak dalaman, tetapi turut meningkatkan reputasi fakulti di peringkat nasional dan antarabangsa. Melalui pendekatan ini,

kepimpinan kanan FPN berjaya membona **budaya kerja yang inklusif, positif, dan berdaya saing**, seterusnya memacu fakulti ke arah kecemerlangan berterusan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_K01_KB05_20251_Bukti-1-FPN_Integrasi 1.5.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Fakulti Perakaunan (FPN) telah melaksanakan **Perancangan Strategik Fakulti Perakaunan 2024 (PSFPN 2024)** dengan berpaksikan tema **Globally Respected Faculty**, sejajar dengan aspirasi **Pelan Strategik UiTM 2025** dan **Wawasan Kemakmuran Bersama 2030**. PSFPN 2024 dirangka menggunakan prinsip **ADLI (Approach, Deployment, Learning, Integration)**, menjadikan FPN terus unggul sebagai fakulti rujukan nasional dan antarabangsa.

PSFPN 2024 digubal berdasarkan rujukan utama seperti **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2013–2025**, **Falsafah Pendidikan Kebangsaan**, dan **Teras Strategik RMK-11**, yang menekankan kepada **pembangunan modal insan holistik, keusahawan, dan daya saing global**. Di peringkat UiTM, ia menyokong matlamat **universiti menjadi universiti terkemuka dunia menjelang 2025** dan menyumbang secara langsung kepada pencapaian **Petunjuk Prestasi Institusi (PII)**.

Sebagai teras pelaksanaan, tiga projek strategik utama dilaksanakan di bawah fokus **JAK**:

- **Dynamic Linkages**: Inisiatif untuk memperkukuh hubungan dengan pihak industri dan alumni, termasuk pemeteraian **MoU/MoA dengan KPMG**, pelaksanaan **Career Week bersama industri**, dan pelantikan **24 Alumni Ambassadors** untuk menyokong pemeraksanaan kurikulum dan pembangunan pelajar.
- **Impactful USR/KTP Program**: Menyokong penglibatan fakulti dalam program **khidmat masyarakat berimpak tinggi** seperti **SULAM domestik dan antarabangsa**, termasuk program di Indonesia, serta kolaborasi strategik dengan **Pusat Zakat Pulau Pinang** dan **Maybank Islamic**.
- **FACTrepreneurial**: Program ini meletakkan **kesukarelawan** sebagai teras pelaksanaan melalui penglibatan pelajar dan pensyarah membimbing komuniti B40, asnaf dan usahawan kecil melalui program seperti **Bizstart, Pitch Your Product, Vendor-Student Rack Day dengan sokongan mentor industri** seperti **SME Corp dan PERNAS**.

Pelaksanaan projek dipantau secara menyeluruh melalui sistem **UiSMS, UePMO, Dashboard Power BI, dan MKSP**. **FACT Strategy Scorecard** digunakan untuk menilai pencapaian indikator prestasi dan mengenalpasti sebarang **varians prestasi** untuk tindakan intervensi pantas melalui pendekatan **Management by Exception**.

Risiko pelaksanaan dikenal pasti melalui mesyuarat **Jawatankuasa Pengurusan Risiko (JPR)** dan didaftarkan dalam sistem **e-RMS**. Risiko utama seperti **penglibatan industri antarabangsa yang rendah** dan **kekangan dana untuk program keusahawanan** telah ditangani secara efektif melalui pelantikan Alumni Ambassador, bengkel geran dan penajaan strategik.

Hasil **kajian semula strategik** membolehkan penambahbaikan dilaksanakan secara berterusan. Antara inovasi utama adalah kejayaan **komersialisasi produk penyelidikan berimpak tinggi i-Asnaf ACT** bersama **Maybank Islamic Berhad** yang mengintegrasikan penglibatan komuniti serta kesukarelawan pelajar dan staf. PSFPN 2024 juga mencetuskan semakan semula prosedur pengurusan industri fakulti dan mendorong peningkatan sinergi warga FPN.

FPN turut mengukuhkan **agenda antarabangsa melalui pelaksanaan program SULAM dan kesukarelawan berimpak tinggi** di peringkat global. Antara contoh termasuk kerjasama dengan industri dan komuniti di luar negara seperti Indonesia yang menggabungkan pembelajaran berteraskan kursus dengan khidmat masyarakat serta program sukarelawan dibiayai geran antarabangsa. Usaha ini memberi **pendedahan global kepada pelajar dan staf, menyokong penarafan UI GreenMetric** serta **mengangkat reputasi FPN di pentas antarabangsa**.

Kejayaan inisiatif ini terbukti apabila FPN mencapai **i-Skor UiTM 94.2% tahun 2024**, berada dalam **3 terbaik seluruh UiTM**, dan menerima pelbagai **pengiktirafan berprestij** seperti **Anugerah Kolaborasi Alumni Terunggul, Anugerah Projek Komuniti, dan Anugerah Geran Alumni MeTIC**.

Secara keseluruhan, PSFPN 2024 membuktikan **komitmen tinggi FPN terhadap kecemerlangan strategik** melalui pendekatan sistematik, pemantauan berfokus, pengurusan risiko berkesan, dan **semangat permuafakatan warga fakulti**. Budaya **kebersamaan dan kepimpinan kolektif** menjadi pemangkin pencapaian **visi sebagai “Globally Respected Faculty”** dan penggerak utama kepada matlamat strategik UiTM dan negara.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Perancangan Strategik Fakulti Perakaunan 2024 (PSFPN 2024) berpaksikan tema “Globally Respected Faculty” telah digariskan **selari dengan Pelan Strategik UiTM 2025**. Ia disediakan dengan matlamat untuk memacu kecemerlangan melalui kerjasama rapat bersama pelbagai pemegang taruh seperti alumni, industri, agensi kerajaan, dan masyarakat. Perancangan ini mengambil kira dua rujukan utama iaitu **pelan perancangan strategik di peringkat universiti (UiTM) dan juga peringkat kebangsaan**.

Di peringkat UiTM, PSFPN 2024 merujuk kepada Pelan Strategik UiTM 2025 serta Pelan Strategik FPN 2020–2025. **Elemen JAK** diperkuatkan sebagai teras utama dalam menjayakan tema tahun 2024 ini.

Manakala rujukan di peringkat kebangsaan, PSFPN 2024 **diselaraskan dengan Teras Strategik Tiga RMK-11** yang memberi tumpuan kepada pembangunan modal insan holistik dan bertaraf global. Di samping itu, rujukan turut dibuat kepada **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Pendidikan Tinggi (PPPMP) 2013–2025 dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)** yang menekankan pembangunan insan secara menyeluruh dan seimbang, bukan sahaja melalui proses Pengajaran dan Pembelajaran tetapi juga melalui kegiatan dan aktiviti berimpak kepada komuniti, industri dan pelajar.

Tiga projek utama yang telah dirangka dan dilaksanakan pada tahun 2024 di bawah fokus JAK untuk mencapai status “Globally Respected” adalah seperti berikut:

Projek 1: Dynamic Linkages (DL)

Inisiatif ini merupakan usaha berterusan **menjalin kolaborasi strategik dengan pihak berkepentingan dalam dan luar negara**. Antara kejayaan utama ialah **pemeteraian MOU/MOA dengan industri** seperti KPMG, yang menyokong pertumbuhan program pembangunan kerjaya pelajar. **Program bersama alumni** yang berjaya menjadi usahawan juga merupakan sebahagian daripada inisiatif ini. **(BUKTI 1)**

Projek 2: Impactful USR/KTP Program

Projek ini menyasarkan penglibatan warga fakulti dalam program **kesukarelawanan dan khidmat masyarakat berimpak tinggi**, termasuk **program SULAM dan USR di sekolah serta komuniti terpinggir**. Usaha ini diteruskan melalui projek di peringkat antarabangsa seperti di Indonesia dan dalam negeri bersama **Rumah Kasih Harmoni**. **Fakulti juga bekerjasama dengan institusi seperti Pusat Zakat Pulau Pinang dan Maybank Islamic** dalam melaksanakan **program KTP** yang menyumbang kepada pendedahan ilmu kewangan dan undang-undang perniagaan. **(BUKTI 2, BUKTI 3 DAN BUKTI 4)**

Usaha secara berterusan dari projek ini bukan hanya terhad kepada program penyampaian USR di peringkat sekolah di Malaysia, tetapi juga melalui program SULAM yang dijayakan sehingga ke peringkat antarabangsa seperti Indonesia. Program SULAM antarabangsa ini telah membuktikan bahawa fakulti berjaya membawa program **sukarelawan/komuniti** yang berkesan dan berimpak ke peringkat antarabangsa dan seterusnya meletakkan fakulti dan UiTM di peringkat pencapaian *Globally Respected*.

Projek 3: FACTrepreneurial

Inisiatif ini mendedahkan pelajar dengan aktiviti **kesukarelawanan** melalui program keusahawanan. Program seperti **Bizstart, Pitch Your Product, Vendor-Student Rack Day dan Innovation Competition** telah berjaya dilaksanakan dengan sokongan vendor, mentor dan pelbagai pihak berkepentingan terdiri daripada alumni, industri dan badan profesional.

Projek ini bertujuan melahirkan graduan berdaya saing yang mahir dalam inovasi, teknologi dan bersedia menghadapi cabaran global. **(BUKTI 5)**. Program BizStart dan Literasi Kewangan melatih pelajar sebagai sukarelawan, manakala alumni bertindak sebagai mentor/penaja dan komuniti menerima bimbingan/praktikal/latihan digital.

Secara keseluruhan, PSFPN 2024 merupakan **pelan holistik** yang menyokong matlamat UiTM dan negara untuk melahirkan graduan berkualiti serta menjadikan FPN sebagai institusi yang disegani di peringkat dalam negara dan antarabangsa. Kesemua projek ini berjaya dilaksanakan dengan kerjasama yang utuh di antara pelajar dan pihak berkepentingan.

SENARAI BUKTI:

1. [F0014_P01_PB02_20251_BUKTI 1 FPN 2.2a_DYNAMIC LINKAGE PROGRAM BERSAMA KPMG.pdf](#)
2. [F0014_P01_PB02_20252_BUKTI 2 FPN_2.2b_USR IMPACTFUL PROGRAM PUBLISHED AT FACULTY WEBPAGE.pdf](#)
3. [F0014_P01_PB02_20253_BUKTI 3 FPN_2.2c_USR BERSAMA RKH.pdf](#)
4. [F0014_P01_PB02_20254_BUKTI 4 FPN_2.2d_KTP BERSAMA PUSAT ZAKAT PULAU PINANG DAN MAYBANK ISLAMIC.pdf](#)
5. [F0014_P01_PB02_20255_BUKTI 5 FPN_2.2e_FACTrepreneurial PROGRAM.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Kesinambungan dan keselarian semua projek yang digariskan dalam Pelan Strategik (PS) adalah sangat penting **dalam menjayakan hasrat dan aspirasi FPN untuk menjadi sebuah fakulti yang *Globally Respected* pada tahun 2024**. Kesungguhan ini dibuktikan melalui peningkatan berterusan **skor pencapaian UiTM i-Score FPN** pada tahun 2024 yang dicatat secara berkala berdasarkan laporan sukuan PS. Laporan ini menunjukkan peningkatan **prestasi yang konsisten dan berimpak tinggi**, sekali gus membuktikan bahawa FPN sentiasa komited dalam memastikan penyampaian pelan strategik dilaksanakan secara terancang, berfokus dan sistematik. Komitmen ini dapat dirujuk di **BUKTI 1**, dimana i-Score keseluruhan fakulti pada tahun 2024 telah mencapai tahap membanggakan iaitu 94.2%, sekaligus meletakkan FPN di kedudukan ketiga tertinggi di peringkat keseluruhan UiTM.

Dalam memastikan pelaksanaan perancangan strategik ini berjalan secara lancar dan sejajar dengan aspirasi perluasan dan kecemerlangan institusi, beberapa siri bengkel dan perbincangan telah diadakan. Aktiviti ini dikendalikan oleh **Jawatankuasa Perancangan Strategik FPN** dengan **sokongan urus setia daripada Pengurus dan PSTU fakulti**. Mereka berperanan penting dalam memantau pelaksanaan pelan strategik, mengenal pasti sebarang kekangan atau masalah, serta merangka penyelesaian secara bersama dengan semua Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Fakulti. Bukti keberkesanan pendekatan ini boleh dirujuk dalam **BUKTI 2** yang mengandungi laporan lengkap mengenai **siri pembentangan pencapaian fakulti sepanjang tahun 2024 mengikut sukuan**.

Dari segi tadbir urus, FPN mengamalkan **pendekatan komunikasi dua hala yang efektif** dalam menyampaikan dan menyebarkan maklumat berkaitan inisiatif strategik kepada seluruh warga fakulti. Penyampaian maklumat dilakukan secara **telus, bersistematik dan berstruktur** agar setiap maklumat penting dapat difahami oleh semua lapisan organisasi. Ini juga memberi ruang kepada pihak pengurusan atasan untuk mengeluarkan arahan serta garis panduan kepada kakitangan, sambil membuka peluang kepada warga kerja untuk memberikan cadangan dan maklum balas yang membina.

Kecekapan komunikasi ini dipertingkatkan lagi melalui penggunaan pelbagai medium digital seperti aplikasi WhatsApp (**BUKTI 3**), Facebook rasmi fakulti (**BUKTI 4**), akaun Instagram (**BUKTI 5**), dan juga laman sesawang rasmi. Di samping itu, saluran e-mel juga terus digunakan untuk tujuan penyebaran maklumat rasmi. Pendekatan kepimpinan ini secara langsung **menyemarakkan budaya penyertaan menyeluruh**, di mana idea-idea baharu dapat dicetuskan demi penambahbaikan berterusan dapat dijana, khususnya dalam aspek pengurusan dan peluasan agenda strategik jangka pendek dan jangka panjang fakulti.

FPN juga menekankan **keperluan penyediaan sumber yang mencukupi**, sama ada dari segi kewangan, fizikal, teknologi mahupun modal insan, dalam melaksanakan aktiviti dan menjayakan bidang tumpuan utama. **Pengurusan sumber manusia diberi perhatian khusus** agar sentiasa bersedia menyokong inisiatif fakulti. Kejayaan pendekatan ini telah dibuktikan dalam Mesyuarat METIC UiTM, di mana FPN menerima pelbagai **pengiktirafan seperti Anugerah GE Terbaik, Anugerah Kolaborasi Alumni Terbaik, Anugerah Kolaborasi Industri Terbaik, Anugerah Pencapaian ICAN 100%, Anugerah Penglibatan CEO@Faculty, serta Anugerah Projek Komuniti**.

Secara keseluruhannya, segala perancangan dan pelaksanaan Jawatankuasa Agenda Kecemerlangan (JAK) FPN adalah sangat memberangsangkan dan menjadi penanda aras bagi fakulti lain di UiTM. Usaha bersepadu ini menonjolkan kecemerlangan strategik FPN yang bukan sahaja berpaksikan kepada pelan tindakan yang jelas, malah disokong oleh tadbir urus yang mantap, komunikasi berkesan dan semangat kerjasama seluruh warga fakulti.

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_P01_PB03_20251_BUKTI 1 FPN_2.3a_PENCAPAIAN i-SCORE 2024 FAKULTI PERAKAUNAN.pdf](#)
2. [F0014_P01_PB03_20252_BUKTI 2 FPN_2.3b_MESYUARAT SUKUAN STRATEGIK 2024.pdf](#)
3. [F0014_P01_PB03_20253_BUKTI 3 FPN_2.3c_WHATSPP FAKULTI PERAKAUNAN.pdf](#)
4. [F0014_P01_PB03_20254_BUKTI 4 FPN_2.3d_FACEBOOK FAKULTI PERAKAUNAN.pdf](#)
5. [F0014_P01_PB03_20255_BUKTI 5 FPN_2.3e_INSTAGRAM FAKULTI PERAKAUNAN.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Fakulti Perakaunan (FPN) komited melaksanakan pemantauan strategik secara sistematik untuk memastikan kejayaan pelaksanaan projek yang dirancang. Proses pemantauan **dilakukan setiap suku tahun** oleh Jawatankuasa Perancangan Strategik (PS) bagi **menilai status pencapaian projek, mengenal pasti risiko, dan melaksanakan intervensi** yang sesuai sekiranya sasaran tidak tercapai. Pendekatan ini memastikan penyampaian perancangan strategik kekal relevan, berkesan dan menyokong objektif fakulti.

FPN mengaplikasikan pelbagai mekanisme pemantauan yang menyeluruh termasuk tadbir urus fakulti, sistem UePMO, dashboard Power BI, sistem UiSMS, mesyuarat perancangan strategik, dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP).

Pendekatan bersepadu ini merangkumi interaksi bersemuka dan secara dalam talian, menggalakkan **komunikasi dua hala antara pengurusan dan warga fakulti** untuk membina pemahaman bersama serta memastikan tindakan penambahbaikan dapat diambil secara responsif. **(BUKTI 1)**

Kejayaan pendekatan ini dibuktikan melalui pencapaian **tempat ketiga dengan penarafan 6-STAR dan i-Score UiTM 94.2% pada 2024**. Sebanyak 14 projek PSFPN2023 termasuk 3 projek JAK telah didaftarkan dalam sistem SAP UiSMS untuk pemantauan berstruktur **(BUKTI 2)**.

Jawatankuasa-jawatankuasa pemantauan telah ditubuhkan mengikut Strategic Thrust UiTM, dengan pengarah dan pengurus projek dilantik bagi memastikan **projek dipantau secara konsisten bersama pasukan khas yang dilantik**.

Bahagian PJI memainkan peranan penting dalam memantau inisiatif bidang tumpuan sambil memastikan komunikasi berterusan dengan warga melalui saluran seperti emel untuk memupuk kesedaran tentang kemajuan PPP. Pemantauan dalam talian dilakukan melalui UePMO dan Power BI dari Bahagian Transformasi Universiti (TRU).

PSTU bersama tadbir urus FPN menggunakan sistem UePMO untuk mendapatkan laporan pencapaian PI bulanan, manakala pengurus projek melaporkan progres PI ke sistem peneraju **(BUKTI 3)**. Progres projek dipantau oleh Jawatankuasa Pengurusan PS melalui pelaporan status projek dan pelan tindakan disusun untuk mencapai sasaran strategik FPN **(BUKTI 4)**.

Pemantauan terperinci dijalankan setiap bulan melalui **FACT Strategy Scorecard** dengan menilai varians prestasi bagi setiap indikator. Kaedah **Management by Exception** digunakan untuk memfokus kepada jurang pencapaian ketara (warna merah) bagi tindakan intervensi segera. MKSP pula diadakan dua kali setahun untuk memastikan semua inisiatif sejajar dengan strategi fakulti, termasuk penilaian semula objektif kualiti, pemantauan projek PS dan MyRA, penetapan indikator prestasi, garis masa, tahap risiko dan pelan mitigasi yang jelas **(BUKTI 5)**.

SENARAI BUKTI:

1. [F0014_P01_PB04_PC01_20251_BUKTI 1 FPN 2.4.1a_Komunikasi melalui E-mel kepada Pentadbir FPN dalam Proses Pemantauan Penunjuk Prestasi.pdf](#)
2. [F0014_P01_PB04_PC01_20252_BUKTI 2 FPN 2.4.1b_Senarai projek PS FPN.pdf](#)
3. [F0014_P01_PB04_PC01_20253_BUKTI 3 FPN 2.4.1c_Laporan pencapaian PI setiap bulan melalui UePMO.pdf](#)
4. [F0014_P01_PB04_PC01_20254_BUKTI 4 FPN 2.4.1d_Pemantauan Progres Perancangan Strategik.pdf](#)
5. [F0014_P01_PB04_PC01_20255_BUKTI 5 FPN 2.4.1e_Fact Scoreboard.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pendekatan pengurusan risiko di FPN dilaksanakan selaras dengan **Polisi Pengurusan UiTM** serta **Pelan Tindakan Kawalan Risiko FPN** yang memperincikan pelan tindakan dan aktiviti pengurusan risiko secara sistematik (**BUKTI 1**), meliputi proses mengenalpasti, menganalisis, mitigasi dan pemantauan risiko bagi mencapai objektif dan sasaran

Risiko berkaitan JAK telah **dikenal pasti** oleh FPN melalui pelbagai input yang dikumpul daripada kumpulan sasar menerusi beberapa mekanisme seperti ***laporan Audit dalaman FACT (iQMS), laporan Audit luar InQKA, Brainstorming- Bengkel dan mesyuarat, dan Analisa bidang tumpuan menerusi analisis SWOT.*** Menerusi mekanisme tersebut, beberapa **punca risiko** yang boleh menjejaskan pelaksanaan tiga projek utama perancangan strategik iaitu Dynamic Linkages, Impactful USR and KTP Program dan FACTpreneurial telah dikenalpasti (**BUKTI 2**).

Risiko ini dianalisis melalui Bengkel Perancangan Strategik FPN dan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko (JPR). Proses ini merangkumi penentuan kategori, punca, serta tahap magnitud dan impak terhadap FPN. Risiko utama projek Dynamic Linkages ialah *Engagement with International Industries*, berada pada tahap tinggi akibat bilangan kerjasama strategik yang rendah dengan rakan kongsi terkemuka. Projek *Impactful USR and KTP Program* pula menghadapi risiko sederhana untuk semua aktiviti. Bagi FACTpreneurial, risiko ekstrem dikenal pasti dalam aktiviti Digital Tech Entrepreneurs Apprentice akibat kegagalan memperoleh dana endowmen mencukupi (**BUKTI 3**). Selepas analisis, Penyelaras Pengurusan Risiko akan merekodkan risiko dalam e-RMS (**BUKTI 4**), manakala Penyelaras Perancangan Strategik akan mendaftarkannya dalam UiTM Strategic Management System (UiSMS) di peringkat projek (SAP). Pelaksanaan proses **mitigasi** dilakukan melalui kaedah kawalan strategi bagi setiap risiko yang telah didaftarkan. Sebagai contoh, tahap risiko projek Dynamic Linkages iaitu 'program jaringan bersama Alumni tidak mencapai sasaran FPN' telah menurun daripada tinggi kepada rendah pada akhir suku ke-4 **hasil mitigasi** seperti pelantikan tambahan 24 orang Alumni Ambassadors pada tahun 2024 bagi menggalakkan penglibatan alumni dalam program FPN.

Pemantauan tahap risiko dan **keberkesanan mitigasi** dilaksanakan melalui proses kemas kini berkala yang perlu diserahkan kepada Penyelaras Risiko FPN setiap suku tahun, serta disemak bersama ahli **JPR FPN** dalam mesyuarat pengurusan risiko yang dijalankan tiga kali setahun. Risiko projek dalam UiSMS turut dipantau dan dinilai semula setiap tiga bulan melalui mesyuarat perancangan strategik bersama pengarah, pengurus projek dan tadbir urus FPN (**BUKTI 5**)

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_P01_PB04_PC02_20251_BUKTI 1 FPN 2.4.2a_Pelan Tindakan Kawalan Risiko FACT dan Polisi Pengurusan Risiko UiTM UiTMUPRBIL. 12022_compressed.pdf](#)
2. [F0014_P01_PB04_PC02_20252_BUKTI 2 FPN 2.4.2b_Punca Risiko dikenalpasti.pdf](#)
3. [F0014_P01_PB04_PC02_20253_BUKTI 3 FPN 2.4.2c_Risiko 3 Projek Utama.pdf](#)
4. [F0014_P01_PB04_PC02_20254_BUKTI 4 FPN 2.4.2d_E-mel Pemantauan Berkala Risiko FPN dan ERMS.pdf](#)
5. [F0014_P01_PB04_PC02_20255_BUKTI 5 FPN 2.4.2e_Laporan PS FPN dalam UiSMS tahun 2024.pdf](#)

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Melalui pelaksanaan PS FPN, pengurusan kanan **membangunkan mekanisme pemantauan yang sistematik bagi memantau keberhasilan inisiatif, khususnya dalam aspek JAK.** Setiap pencapaian inisiatif yang menyumbang kepada peratusan Skor i-UiTM FPN dianalisis secara dalam talian menggunakan **sistem UePMO dan Power BI secara berkala**, terutamanya setiap tiga bulan mengikut garis masa Pelan Tindakan Pemantauan Perancangan Strategik FPN SAP 2024 (**BUKTI 1**). Kemajuan ini dianalisis bagi memastikan hasil selari dengan halatuju FPN dan UiTM. **Analisis risiko** turut dijalankan agar **mitigasi dan penambahbaikan dapat dilaksanakan awal bagi mengurangkan impak risiko terhadap pencapaian sasaran PI UiTM.**

Maklumat hasil analisis pemantauan serta pencapaian inisiatif **dibentangkan** oleh Pengurus dan Penyelaras PS kepada pengurusan kanan dalam mesyuarat strategik suku tahun dan MKSP, manakala Penyelaras Pengurusan Risiko membentangkannya dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko secara berkala (**BUKTI 2**). Analisis strategi dan inisiatif ini turut **disampaikan kepada seluruh warga FPN melalui mesyuarat, sesi perbincangan, taklimat, hebahan e-mel dan nota ringkas melalui medium fizikal dan maya (BUKTI 3).** Dalam masa yang sama, maklum balas berharga diperoleh secara efisien melalui aplikasi seperti Facebook, WhatsApp dan Google Form kerana capaian yang mudah, relevan dan mesra pengguna.

Melalui **input kaji semula dan cadangan penambahbaikan** daripada seluruh warga FPN, tindakan **kawalan sedia ada bagi inisiatif strategik berjaya ditambah baik.** Beberapa inovasi telah dihasilkan, termasuk penambahbaikan operasi seperti **pengukuhan pengurusan jaringan Alumni menerusi pelantikan Alumni Ambassador (AA).** **Semakan semula carta alir prosedur kualiti PO 15 - Pengurusan Jaringan Industri dan Masyarakat** turut mendedahkan kekangan mendapatkan pakar yang sesuai serta kurangnya penglibatan strategik berterusan bersama alumni. Pelantikan AA menjadi solusi berkesan dan telah memperkukuh jaringan Alumni dan FPN secara signifikan (**BUKTI 4**).

Secara keseluruhan, kejayaan FPN dalam mengekalkan kecemerlangan adalah hasil daripada **perancangan strategik yang sistematik, pengurusan risiko yang efisien, penglibatan menyeluruh, serta input nilai tambah dan penambahbaikan daripada warga FPN.** Kejayaan ini dibuktikan apabila FPN meraih tempat pertama Average i-Score UiTM 2021–2024 dan berada dalam 3 terbaik Skor i-UiTM 2024 (94.2%) di seluruh UiTM (**BUKTI 5**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_P01_PB04_PC03_20251_BUKTI 1 FPN_2.4.3a_Panduan dan Garis Masa SAP 2024.pdf](#)
2. [F0014_P01_PB04_PC03_20252_BUKTI 2 FPN_2.4.3b_Mesyuarat JP Risiko Bil 1 2024.pdf](#)
3. [F0014_P01_PB04_PC03_20253_BUKTI 3 FPN_2.4.3c_Mesyuarat Akademik_3 Oct 2024-Slide TD RICAEN.pdf](#)
4. [F0014_P01_PB04_PC03_20254_BUKTI 4 FPN_2.4.3d_Penambahbaikan pengurusan jaringan industri -Template Kriteria Penilaian 2023 ALUMNI.pdf](#)
5. [F0014_P01_PB04_PC03_20255_BUKTI 5 FPN_2.4.3e_Tempat pertama Average i-Score UiTM 2021–2024 dan 3 terbaik Skor i-UiTM 2024.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Usaha membudayakan perancangan strategik dalam kalangan warga fakulti telah dilaksanakan oleh FPN melalui **bengkel, pelaporan, pemantauan dan mesyuarat secara berkala**. Melalui **projek Impactful USR/KTP**, pembudayaan ini diterjemahkan dalam **aktiviti khidmat masyarakat, antaranya Program Penguasaan Literasi Asas 3MF FPN Bersama Anak-Anak Rumah Harmoni** yang dilaksanakan oleh **Talent Cluster** FPN, serta Taklimat Hala Tuju Pelajar Selepas SPM (**BUKTI 1**) yang dianjurkan oleh RICAEN FPN. Komitmen ini dalam **memupuk budaya mesra komuniti telah diiktiraf apabila FPN menerima Anugerah Projek Komuniti (Quintuple Helix) sempena Majlis Apresiasi MeTIC**.

Di samping itu, pembudayaan projek Dynamic Linkages turut **diperkukuh melalui pelantikan Alumni Ambassador** dalam kalangan pemain industri yang aktif menjalin kolaborasi dengan staf akademik dalam pembangunan modul dan semakan silibus secara berkala. Kolaborasi ini juga melibatkan **pembangunan sahsiah dan modal insan pelajar melalui webinar dan aktiviti Mock Interview dalam FACT Career Week bersama panel industri**. Sementara itu, projek FACTrepreneurial memberi **tumpuan kepada peningkatan ilmu dan budaya keusahawanan** melalui taklimat oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia, PERNAS dan SME Corp berkaitan penubuhan serta peluang perniagaan (**BUKTI 2**). Program FactEntrepreneur ini direka untuk menghubungkan alumni dan komuniti dalam ruang keusahawanan sambil menggalakkan penglibatan aktif sukarelawan. Fokus utama aktiviti ini adalah membina rangkaian kukuh alumni sebagai sumber ilmu, pengalaman, dan bimbingan, di samping memperkasa komuniti melalui program latihan, bimbingan perniagaan, dan aktiviti sosial. Unsur kesukarelawan pula diterapkan bagi menyemai nilai keprihatinan, kerjasama, dan tanggungjawab sosial yang menjadi tunjang kepada kelestarian program ini.

Keselarasan PS FPN dengan agenda universiti telah membolehkan pencapaian PI dalam bidang tumpuan dicapai melalui **inisiatif berimpak tinggi dengan kerjasama industri dan alumni**. Inisiatif ini disebarluaskan melalui Taklimat Dekan, Pengurusan Kanan, e-mel rasmi dan laman sesawang fakulti, membuktikan keterlibatan menyeluruh merangkumi staf akademik, staf pentadbiran dan pelajar (**BUKTI 3**). Kejayaan pembudayaan perancangan strategik ini dibuktikan apabila **FACT menerima Anugerah Kolaborasi Alumni Terunggul dan Anugerah Geran Alumni sempena Majlis Apresiasi MeTIC**, sekali gus menjadi aspirasi kepada fakulti lain di UiTM (**BUKTI 4**). Selain itu, hasil daripada inisiatif dan pemantauan PS yang berkesan terhadap JAK, produk penyelidikan berimpak tinggi FPN iaitu i-Asnaf ACT dengan kolaborasi Maybank Islamic Berhad telah berjaya dikomersialkan (**BUKTI 5**), memberi manfaat besar kepada universiti dan komuniti.

Kejayaan FPN sebagai sebuah fakulti unggul dalam memartabatkan JAK yang efisien didorong oleh sinergi, permuafakatan dan semangat kebersamaan dalam kalangan warganya. Seperti petikan daripada Amanat Naib Canselor 2025: *'Dalam perjalanan menuju kecemerlangan, usaha kita tidak boleh berdiri sendiri. Kebersamaan bukan sekadar slogan, ia adalah roh yang menggerakkan visi dan misi kita'*

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_P01_PB05_20251_BUKTI 1 FPN_2.5a_FPN_USR Rumah Harmoni dan Taklimat Hala Tuju Pelajar Selepas SPM oleh RICAEN.pdf](#)
2. [F0014_P01_PB05_20252_BUKTI 2 FPN_2.5b_FPN_Taklimat oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia, PERNAS dan SME Corp.pdf](#)
3. [F0014_P01_PB05_20253_BUKTI 3 FPN_2.5c_Hebahan Pencapaian PI.pdf](#)
4. [F0014_P01_PB05_20254_BUKTI 4 FPN_2.5d_Anugerah Kolaborasi Alumni Terunggul dan Anugerah Geran Alumni MeTIC.pdf](#)
5. [F0014_P01_PB05_20255_BUKTI 5 FPN_2.5e_Produk Inovasi i-Asnaf AKNC_2023_compressed \(1\).pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

FPN telah merangka **perancangan** holistik bagi memastikan keterlibatan pelanggan dalam menjayakan inisiatif JAK. Pelanggan menjadi nadi utama dalam merealisasikan tema bidang tumpuan; **Alumni Berdaya, Komuniti Progresif, Nilai Lestari**. Pelanggan FPN terdiri daripada **pelanggan dalaman iaitu pelajar dan staf**, manakala **pelanggan luaran merangkumi alumni, komuniti, industri, badan profesional serta agensi kerajaan**.

Perancangan ini turut diselaraskan dengan Pelan Strategik UiTM 2025 yang menekankan dua tema penting iaitu Graduan Seimbang dan Berdaya Usahawan (Tema Strategi 2) dan Jaringan Pintar antara Industri, Komuniti dan Alumni (Tema Strategi 5). Selaras dengan itu, tiga projek utama iaitu Dynamic Linkages, Impactful USR/KTP, dan FACTrepreneurial dijadikan fokus untuk memastikan keberhasilan pelan strategik. Selain itu, **penglibatan alumni** diangkat sebagai value co-creator dan mentor, manakala **komuniti yang terdiri daripada golongan asnaf, pelajar sekolah, pelajar lepasan SPM, anak-anak yatim, industri serta badan profesional**.

Pelaksanaan strategi dipandu oleh Pejabat PJI dengan sistem kawalan yang rapi. Proses pengumpulan data pelanggan dilaksanakan secara konsisten melalui templat pelaporan pencapaian. Data yang dikumpulkan termasuk maklumat alumni, komuniti, projek atau aktiviti yang dijalankan serta pencapaian hasil program. Di samping itu, pelanggan dalaman dilibatkan secara langsung dalam inisiatif JAK melalui aktiviti akademik, kolaborasi bersama alumni, serta pelaksanaan projek komuniti.

Maklumat pelanggan dalaman disebarikan secara berterusan, manakala data pelanggan luaran sentiasa dikemaskini bagi menyokong keberkesanan program. Aktiviti yang dijalankan melibatkan **inovasi keusahawanan, penganjuran anugerah inovasi, program dalaman dengan alumni, badan profesional dan industri serta projek komuniti bersama golongan asnaf**. Inisiatif yang pelbagai ini memberi nilai tambah kepada **jaringan alumni, komuniti sukarelawan pelajar dan staf**.

Pejabat PJI menjalankan **pemantauan** secara berkala melalui pembentangan di mesyuarat, komunikasi berterusan dengan pelanggan serta penilaian terhadap pencapaian program. Laporan pencapaian dibentangkan dalam mesyuarat JAF, MKSP, dan JPF, sekali gus membolehkan pihak pengurusan membuat keputusan berasaskan data.

Selain itu, maklum balas pelanggan dikumpulkan secara sistematik melalui platform e-Aduan FACT dan e-Maklum Balas Kepuasan Hati Pelanggan FACT. Analisis data ini memberi gambaran jelas tentang tahap kepuasan pelanggan serta ruang penambahbaikan. Dua **risiko utama** turut dikenalpasti iaitu (i) **kegagalan mencapai sasaran program USR/KTP** akibat rendahnya tahap penglibatan pelanggan dan (ii) **kegagalan FPN mencapai PI** jaringan alumni. Dalam membendung perkara ini, FPN dengan terperinci merancang secara menyeluruh program yang bersesuaian agar penglibatan pelanggan dapat dipenuhi dengan terbaik lantas mencapai PI jaringan industri.

Berdasarkan hasil pemantauan, tindakan **penambahbaikan** telah dilakukan untuk memastikan keberhasilan inisiatif JAK. FPN mengambil pendekatan proaktif dengan merangka perancangan sistematik yang menekankan inovasi, perkongsian pengetahuan, serta mitigasi risiko. 3 projek utama yang dijalankan seperti Dynamic Linkages, Impactful USR/KTP, dan FACTrepreneurial terbukti berkesan apabila menerima komitmen berterusan daripada alumni, industri dan badan profesional, memenangi pertandingan inovasi serta nilai tambah yang disalurkan kepada komuniti melalui pelaksanaan program untuk golongan asnaf zakat.

Langkah susulan ini memperkukuh keberkesanan program sekaligus meningkatkan daya tahan pihak berkepentingan. FPN berjaya melahirkan pelbagai inisiatif inovasi seperti projek keusahawanan, kerjasama padu (dengan penerapan nilai sukarelawan) **alumni, industri dan**

badan profesional serta penglibatan **komuniti asnaf**. FPN ternyata berjaya memperkukuh dan memperluas keupayaan serta nilai dapatan pelanggan dan jaringan kolaborasi serta merealisasikan visi melahirkan **alumni berdaya, komuniti progresif dan nilai lestari**.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Penglibatan pelanggan secara aktif dan holistik menjadi tonggak utama kepada pencapaian matlamat berkenaan JAK. Pelanggan yang dikenalpasti dalam konteks ini adalah pelanggan dalaman iaitu warga FPN yang terdiri dari pelajar dan staf serta pelanggan luar yang terdiri daripada alumni, pelajar sekolah, pelajar lepasan SPM, rumah anak yatim, asnaf, industri dan badan profesional.

Penglibatan dengan jaringan alumni merupakan nadi penggerak sebagai value co-creator dan mentor. Objektif jaringan ini dipercayai berdaya dan mampu menambah nilai bersesuaian dengan konsep value co-creator dan mentor kepada graduan melalui hasil perkongsian kepakaran dan pengalaman alumni di dalam industri. Pengalaman dan kepakaran ini melibatkan alumni dari kalangan pengurusan tertinggi korporat merangkumi syarikat-syarikat besar yang tersenarai di Bursa Malaysia. Pengalaman mereka di dalam industri sememangnya menyeluruh dan berketerangkuman untuk menjadi panduan kepada para graduan. Perkongsian yang berbentuk mentoring dari mereka adalah contoh komunikasi yang mampu menjadi penambah nilai kepada wibawa graduan. Alumni yang telah dikenal pasti mempunyai kriteria yang bersesuaian telah dilantik sebagai duta melalui Accountancy Alumni Ambassador Program sejak tahun 2022 (**Bukti 3.2.1**). Dengan penerimaan Anugerah Kolaborasi Alumni Terbaik Jaringan Alumni di MeTIC13 pada tahun 2024, program Alumni Ambassador ini diteruskan lagi.

Bagi bidang tumpuan JAK, komuniti yang telah dikenalpasti terdiri daripada kalangan pelajar sekolah, pelajar lepasan SPM, anak-anak yatim, asnaf, industri dan badan profesional. Penglibatan yang menyeluruh ini telah memajukan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang perakaunan dan pengurusan kewangan yang lestari. Ini dapat melahirkan komuniti yang progresif dan berdaya saing dalam mengurus permasalahan kewangan yang dihadapi. Inisiatif ternyata lebih bermakna, efektif dan berjaya dengan semangat kesukarelawan warga FPN. Melalui kesedaran tentang kepentingan nilai lestari inilah yang memacu warga FPN untuk terus memupuk budaya sukarelawan ini.

Projek bersama sekolah dan pelajar SPM 2022 (**Bukti 3.2.2**) termasuklah Program Taklimat Hala Tuju Pelajar selepas SPM serta Program Khidmat Pengajaran Prinsip Perakaunan dan Pemantapan Ilmu bersama pelajar sekolah menengah di Selangor. Projek bersama komuniti pula (**Bukti 3.2.3**) termasuk Kem Motivasi Zero to Hero dan Program Penguasaan Literasi Asas 3M bersama Anak-anak Rumah Kasih Harmoni.

Projek MASMED melibatkan komuniti seperti pelantikan pensyarah UiTM (**Bukti 3.2.4**) sebagai penceramah modul pengurusan kewangan perniagaan mikro dan kecil bagi Program Rakyatpreneur 2024 (Rakyatpreneur 5.0).

Pelaksanaan program SULAM Antarabangsa serta International Volunteerism Programmes telah memberikan peluang kepada pelajar untuk terlibat secara langsung dalam aktiviti komuniti dan kesukarelawanan. Melalui penglibatan ini, pelajar bukan sahaja dapat menyumbang khidmat masyarakat kepada komuniti di D'Laman Choco, Sungai Besar, Selangor dan Desa Cipadung, Kota Bandung, Jawa Barat, malah turut memperoleh nilai tambah melalui interaksi dengan pelajar dari universiti luar negara seperti UMPAD dan UNSIKA. Pengalaman ini telah memperkasa kemahiran insaniah, memperluas jaringan antarabangsa, serta menyemai semangat keprihatinan sosial dalam kalangan pelajar (**Bukti 3.2.5**).

Perancangan teliti dan sistematik oleh pejabat PJI telah dibuat dalam memastikan pemilihan pelanggan yang tepat dibuat bagi menjayakan projek Project Dynamic Linkages, Impactful USR/KTP dan Factpreneurial. Perancangan yang dibuat adalah selari dengan keperluan SAP FPN yang turut memberikan fokus kepada UiTM 2025 Strategic Plan 'Globally Respected'. Projek-projek ini bukan sahaja akan memperkukuh daya tahan pihak berkepentingan meningkatkan reputasi dan kredibiliti FPN di peringkat nasional dan global.

SENARAI BUKTI:

1. [F0014_T01_TB02_20251_Bukti 3.2.1 - Accountancy Alumni Ambassador 2024 & 2022.pdf](#)
2. [F0014_T01_TB02_20252_Bukti 3.2.2 - Laporan Projek bersama sekolah, pelajar SPM.pdf](#)
3. [F0014_T01_TB02_20253_Bukti 3.2.3 - Laporan Projek bersama Komuniti.pdf](#)
4. [F0014_T01_TB02_20254_Bukti 3.2.4 - Laporan Projek MASMED.pdf](#)
5. [F0014_T01_TB02_20255_F0014_T01_TB02_20255_Bukti 3.2.5-SULAM Volunteerism.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

FPN memastikan pengumpulan data pelanggan dilakukan secara **konsisten dan sistematik**. Dengan kerjasama penyelaras alumni bersama koordinator ICAN FPN, pengumpulan utama **data pelanggan dalaman** dikumpul dan disimpan melalui beberapa pangkalan data termasuklah **templat pelaporan MKSP, templat pelaporan pencapaian keseluruhan KPI keusahawanan IPT (bilangan tenaga pengajar dan pelajar terlibat) dan pelaporan MyATP (Bukti 3.3.1)** merangkumi maklumat pencapaian sasaran JAK yang meliputi 16 petunjuk prestasi UiTM (UiTM iSCORE) bagi tiga projek utama SAP 2024, iaitu *Dynamic Linkages*, *Impactful USR/KTP* dan *FACTREPRENEURIAL*.

Penyebaran meluas maklumat pelanggan dalaman dilakukan secara berterusan seperti pelantikan Penasihat Ambassador bagi projek *Dynamic Linkages*, pelantikan sebagai penceramah bagi program Train of Trainers (ToT), Taklimat Hala Tuju SPM, pelantikan sebagai penceramah program bersama usahawan asnaf bagi projek *Impactful USR/KTP* dan pelantikan sebagai penceramah pengurusan kewangan perniagaan mikro dan kecil bagi program RAKYAT *preneur* 5.0 bagi projek FACTREPRENEURIAL telah dilakukan melalui **laman sesawang dan laman media sosial FPN (Bukti 3.3.2)**

Pejabat PJI FPN turut menyimpan **data pelanggan luaran seperti rakan kolaborator dari kalangan alumni, industri, komuniti, jabatan kerajaan dalam beberapa templat** yang dibangunkan samada fizikal atau atas talian. **Templat pelaporan pencapaian PI FPN, kerangka pelaporan USR, pangkalan data digital (google drive folder) alumni dan pangkalan data digital (one drive folder) ICAN FPN (Bukti 3.3.3)**, sebelum dimuatnaik ke dalam sistem UiTM. Bagi bidang tumpuan JAK, **rakan strategik ini dikenalpasti** melalui inisiatif yang dicapai oleh **program 3u1i** pada tahun 2024, yang telah membawa kepada **majlis menandatangani MoU bersama 6 firma. Pengenalpastian pelanggan luaran** juga dilakukan **melalui pengkategorian** mengikut jenis organisasi dan bidang kepakaran.

FACT e-book (Bukti 3.3.3) sentiasa tersedia untuk disebar luas kepada pelanggan yang berkepentingan sewaktu program di luar fakulti seperti Ekspo Selangkah ke UiTM (ESKU). Antara data penting termasuklah **rakan kolaborasi serta kerangka akademik - FACT Professional Pathway**.

Pengemaskinian data pelanggan FPN dilakukan secara berkala untuk memastikan maklumat sentiasa relevan dan terkini, termasuk melalui komunikasi berterusan seperti emel dan perjumpaan berkala di antara pihak FPN dengan rakan kolaborasi. Sebagai contoh, **data pelanggan FPN** berkaitan JAK sentiasa dikemaskini secara berkala di dalam **sistem UiTM, iaitu SMART, PRIME dan NILAM. Pengemaskinian secara langsung** juga dilaksanakan melalui *microsoft form link* kepada **ketua jabatan yang berkaitan, seperti koordinator strategik MASMED UiTM bagi program keusahawanan FPN**. Data pencapaian pelanggan juga disimpan dan dikemaskini oleh bahagian korporat dan perhubungan FPN dalam bentuk **galeri penglibatan alumni dan komuniti di laman sesawang FPN** termasuk kejayaan pelaksanaan program JAK seperti Taklimat Hala Tuju SPM bersama para pelajar lepasan SPM, program pemindahan ilmu menggunakan iAsnaf act bersama usahawan asnaf serta projek komuniti bersama sekolah dan rumah anak yatim **(Bukti 3.3.4)**.

Seterusnya, pelbagai kaedah perluasan digunakan untuk memastikan **penglibatan kumpulan sasaran** untuk setiap inisiatif JAK. **Pelanggan dalaman dilibatkan** secara langsung di dalam setiap inisiatif JAK **melalui pelbagai fungsi** termasuklah sebagai penyelaras program atau ketua projek. Pelanggan luaran dilibatkan melalui pelantikan sebagai penceramah, *Alumni Ambassador*, rakan strategik serta penerima manfaat di pelbagai peringkat seperti program *Alumni Homecoming*, dan pengajaran kolaboratif celik kewangan bersama KWSP. **(Bukti 3.3.5)**.

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_T01_TB03_20251_Bukti 3.3.1 - Pengumpulan dan penyimpanan maklumat pelanggan dalaman bagi inisiatif JAK.pdf](#)
2. [F0014_T01_TB03_20252_Bukti 3.3.2 - Penyebaran maklumat pelanggan dalaman di dalam laman sesawang dan media sosial FPN.pdf](#)
3. [F0014_T01_TB03_20253_Bukti 3.3.3 - Pengumpulan, penyimpanan serta perkongsian data pelanggan luaran bagi inisiatif JAK.pdf](#)
4. [F0014_T01_TB03_20254_Bukti 3.3.4 - Pengemaskinian data pelanggan dalaman dan luaran bagi inisiatif JAK.pdf](#)
5. [F0014_T01_TB03_20255_Bukti 3.3.5 - Penglibatan pelanggan di dalam aktiviti pelbagai peringkat JAK.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Mekanisme pemantauan yang berkesan adalah kunci dalam memastikan kebaikan dan ganjaran diperolehi oleh pelanggan. Untuk itu, FPN telah melaksanakan pemantauan di pelbagai peringkat secara berkala dan berterusan untuk program Impactful USR/KTP. Contohnya; TD PJI membuat pemantauan menerusi hebahan peringatan melalui emel dan *whatsapp group* FPN (**Bukti 3.4.1**) kepada setiap ketua projek USR dan KTP untuk memuat naik laporan projek USR di dalam sistem PRIME UiTM dan laporan projek KTP di dalam sistem SMART UiTM. Manakala bagi Projek Dynamic Linkages, pihak ICAN FPN memastikan setiap laporan melibatkan aktiviti MOU/MOA dikemaskini di dalam sistem NILAM. Seterusnya untuk program FACTrepreneurial, Koordinator MASMED FPN membuat pemantauan melalui laporan keusahawanan FACT di dalam Go-eCommerce (**Bukti 3.4.2**).

Pemantauan pencapaian FPN dilaksanakan melalui pembentangan pencapaian PI di mesyuarat Jawatankuasa SAP FPN yang dianjurkan sebanyak 4 kali setahun (**Bukti 3.4.3**). Pemantauan juga dilakukan oleh AJK perancangan strategik FPN melalui pelaporan pencapaian BTU PI secara bulanan bersama ahli MPE. Melalui pelaksanaan pemantauan strategik yang berterusan, isu dan cabaran dalam pelaksanaan setiap PI dapat dikenal pasti secara sistematik. Dapatan ini membolehkan penambahbaikan dilaksanakan secara berfasa serta tindakan pembetulan yang bersesuaian diambil dengan segera, bagi memastikan pelaksanaan strategi kekal berada pada landasan yang tepat dan objektif strategik organisasi dapat dicapai dengan berkesan.

Disamping itu, pelaporan pencapaian juga dibuat di mesyuarat MKSP dan mesyuarat staf akademik (**Bukti 3.4.4**). Laporan pencapaian yang dibentangkan dalam mesyuarat penting FPN membantu dalam penambahbaikan kepada tadbir urus pengurusan projek dengan mengenal pasti status PI. Pemantauan terhadap manfaat yang diperolehi oleh pelanggan luaran turut dilaksanakan bersama rakan kolaboratif FPN. Contohnya mesyuarat perancangan awal program USR-Sekolah bersama-sama wakil Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS), Pejabat Pendidikan Kuala Selangor, Pejabat Pendidikan Klang dan sekolah-sekolah terlibat (**Bukti 3.4.5**). Langkah ini memastikan pelaksanaan program JAK dijalankan secara lebih **berakauntabiliti** dan memenuhi jangkaan pihak terlibat. Maklum balas yang diperolehi berperanan penting dalam menilai tahap kesesuaian dan keberkesanan program yang dirancang, di samping mengenal pasti ruang penambahbaikan yang diperlukan sebelum pelaksanaan. Dalam masa yang sama, maklum balas positif yang diterima turut menjadi pemangkin semangat dan motivasi kepada warga FPN untuk terus komited dan proaktif dalam menjayakan inisiatif JAK yang memberi impak kepada komuniti.

SENARAI BUKTI:

1. [F0014_T01_TB04_TC01_20251_BUKTI 3.4.1 Poster Hebahan Pengemaskinian Laporan Dalam Sistem.pdf](#)
2. [F0014_T01_TB04_TC01_20252_BUKTI 3.4.2 Pemantauan Laporan Program ICAN di dalam Sistem.pdf](#)
3. [F0014_T01_TB04_TC01_20253_BUKTI 3.4.3 Pemantauan Dalaman FPN SAP Quaterly Meeting.pdf](#)
4. [F0014_T01_TB04_TC01_20254_BUKTI 3.4.4 Pelaporan Pencapaian PI di dalam mesyuarat dalaman.pdf](#)
5. [F0014_T01_TB04_TC01_20255_BUKTI 3.4.5 Mesyuarat Perancangan Awal Program USR.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

FPN sentiasa peka dalam mengenal pasti cabaran serta risiko yang mungkin dihadapi dalam usaha memperkasa dan merealisasikan keberkesanan penglibatan pelanggan dalam pelaksanaan aktiviti JAK. FPN amat menyedari bahawa sebarang kelemahan dalam penglibatan pelanggan, khususnya pihak berkepentingan luar seperti agensi kerajaan, industri, komuniti dan alumni, boleh memberi kesan kepada pencapaian hasil penyelidikan yang berimpak tinggi serta kejayaan aktiviti pemindahan ilmu.

Sehubungan itu, FPN telah mengambil langkah proaktif dengan merekodkan dua risiko utama berkaitan pelaksanaan aktiviti-aktiviti melibatkan JAK ke dalam daftar risiko FPN (**Bukti 3.5.1**). Risiko pertama ialah kegagalan mencapai sasaran pelaksanaan program USR dan KTP disebabkan tahap penglibatan pelanggan yang rendah. Sebagai langkah pencegahan, FPN telah memanfaatkan platform FACT Talent Cluster untuk menggerakkan pelaksanaan program USR/KTP secara strategik (**Bukti 3.5.2**). Platform ini turut berfungsi sebagai penghubung antara pensyarah, pelajar dan pihak luar bagi membina jaringan kolaboratif yang mampan. Tambahan pula, FPN membuka ruang kepada pensyarah dari kampus cawangan serta pelajar untuk turut serta dalam pelbagai inisiatif komuniti ini, bagi memperluas capaian dan impak program.

FPN juga menjalin kerjasama strategik dengan pelbagai agensi kerajaan, industri, NGO, komuniti setempat dan alumni seperti Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS), Pejabat Pendidikan Kuala Selangor, Pejabat Pendidikan Klang, Yayasan Bank Rakyat, Rumah Kasih Harmoni, SMK Puncak Alam, SMK Meru dan SMK Saujana Utama (**Bukti 3.5.3**). Kerjasama ini memperkukuh sokongan sumber serta memperluas jaringan sosial yang menyumbang kepada kelestarian dan keberkesanan pelaksanaan program JAK secara berterusan dan inklusif.

Risiko kedua pula merujuk kepada kemungkinan kegagalan FPN mencapai PI berkaitan jaringan bersama alumni. Untuk menangani hal ini, FPN melaksanakan langkah pencegahan melalui pepadanan alumni sebagai duta fakulti (alumni ambassadors) dalam pelbagai program fakulti. FPN telah mengadakan Program Alumni Homecoming Fakulti Perakaunan 2024 untuk melantik 24 orang "prominent alumni" sebagai alumni ambassadors (**Bukti 3.5.4**). Alumni dilibatkan secara aktif dalam aktiviti akademik, kebajikan pelajar, penyelidikan serta program komuniti, sekaligus mengukuhkan peranan alumni sebagai pemangkin kepada kecemerlangan FPN dalam aspek jaringan dan kolaborasi. Pendekatan berstruktur ini telah membantu FPN meminimumkan risiko dan mengoptimumkan keberkesanan penglibatan pelanggan luar dalam penjimatan masa, kos dan sumber manusia (**Bukti 3.5.5**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_T01_TB04_TC02_20251_Bukti 3.5.1_Daftar pengurusan risiko.pdf](#)
2. [F0014_T01_TB04_TC02_20252_BUKTI 3.5.2 Perlaksanaan Program USR bersama FACT Talent Clusters.pdf](#)
3. [F0014_T01_TB04_TC02_20253_BUKTI 3.5.3 Program USR bersama rakan strategik FPN.pdf](#)
4. [F0014_T01_TB04_TC02_20254_Bukti 3.5.4 Lantikan Alumni Ambassador.pdf](#)
5. [F0014_T01_TB04_TC02_20255_Bukti 3.5.5 Program bersama Alumni Ambassador.pdf](#)

3.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kepuasan pelanggan sentiasa menjadi keutamaan FPN. Sehubungan itu, FPN memastikan maklum balas yang diperolehi daripada pelanggan dikumpul secara sistematik dan dianalisis dengan teliti bagi tujuan penambahbaikan berterusan. Pelbagai saluran disediakan untuk mendapatkan maklum balas, termasuk platform e-aduan FACT dan e-Maklum Balas Kepuasan Hati Pelanggan FACT (**Rujuk Bukti 3.6.1**). Maklum balas bagi pelaksanaan program diperolehi melalui pengedaran borang soal selidik secara dalam talian menggunakan Google Form. Borang soal selidik akan diedarkan setiap kali selepas aktiviti yang dikendalikan oleh RICAEN dijalankan (**Rujuk Bukti 3.6.2**). Sesi post-mortem turut diadakan bagi mengenal pasti sebarang kelemahan dan cadangan penambahbaikan berdasarkan maklum balas. Bagi memastikan tahap kepuasan yang konsisten, maklum balas berterusan turut diperolehi bagi program-program USR/KTP dan Jaringan bersama Alumni. Contohnya, maklum balas daripada peserta program USR bersama komuniti orang asli, Kem motivasi bersama Rumah Kasih Harmoni, Program USR bersama SMK Puncak Alam 3 dan Program Jaringan bersama Alumni Ambassador (**Rujuk Bukti 3.6.3**). Proses penilaian semula terhadap pelaksanaan dan tahap kepuasan pelanggan peserta program, refleksi pelajar/komuniti ini adalah penting untuk mengurangkan risiko yang telah dikenal pasti serta memastikan tindakan pencegahan dan penambahbaikan strategik dapat dilaksanakan.

FPN turut mendapatkan pandangan dan cadangan penambahbaikan daripada rakan kolaborasi melalui sesi mesyuarat dan dialog strategik. Contohnya, mesyuarat program USR- Sekolah bersama-sama wakil JPN Selangor, PPD Kuala Selangor, PPD Klang dan sekolah-sekolah terlibat. Maklumbalas dan penambahbaikan daripada program-program USR tahun dibincangkan semasa mesyuarat tahun 2024 (**Rujuk Bukti 3.6.4**) untuk mengenal pasti sebarang kelemahan serta ruang penambahbaikan bagi mempertingkatkan pelaksanaan program pada masa hadapan. Setiap aduan dan maklum balas yang diterima diteliti dan diambil tindakan sewajarnya. Maklumbalas pelanggan yang positif juga meningkatkan motivasi warga FPN.

Maklum balas berkaitan inisiatif program-program JAK dianalisis secara sistematik dan dilaporkan dalam MKSP. Antara langkah penambahbaikan yang telah diambil termasuklah mengadakan satu sesi khas pelaporan projek-projek komuniti. Di mana sesi *hands-on* pelaporan bersama ketua projek akan dijalankan selepas tamat setiap projek USR/KTP. Ini kerana bagi PI USR/KTP, hanya projek yang berdaftar di Sistem PRIME (Star Rating): iaitu di Section: Community Engagement (CE) dan Section: Star Rating sahaja akan diverifikasi dan diambil kira untuk pencapaian PI BTU (**Bukti 3.6.5**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_T01_TB04_TC03_20251_Bukti 3.6.1_e-aduan FACT dan e-Maklumbalas Kepuasan Hati Pelanggan FACT.pdf](#)
2. [F0014_T01_TB04_TC03_20252_Bukti 3.6.2 Maklumbalas Kepuasan Pelanggan bagi Program kendalian ICAN.pdf](#)
3. [F0014_T01_TB04_TC03_20253_BUKTI 3.6.3 Analisis Maklumbalas Kepuasan Pelanggan bagi Program USR_AA.pdf](#)
4. [F0014_T01_TB04_TC03_20254_BUKTI 3.6.4 Mesyuarat Maklumbalas Program USR Sekolah bersama JPN_PPD_Sekolah.pdf](#)
5. [F0014_T01_TB04_TC03_20255_Bukti 3.6.5 Slides MKSP- Pencapaian PI ICAN.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Demi merealisasikan objektif untuk melahirkan **alumni berdaya, komuniti progresif dan nilai lestari**, warga FPN telah berjaya menjalankan pelbagai aktiviti dan inovasi seperti **inovasi keusahawanan, penganjuran anugerah inovasi, program dalaman dengan alumni, badan profesional dan industri serta projek komuniti bersama golongan asnaf**.

Graduan yang mempunyai ciri-ciri **kebolehan pasaran yang tinggi** adalah graduan yang **progresif dan berdaya saing**. Ciri-ciri ini bakal dicapai sekiranya graduan tersebut mendapat pendedahan awal terhadap keperluan industri. Salah satu inisiatif yang dilakukan oleh FPN adalah mewujudkan aktiviti **dalam** bersama alumni di industri. Sebagai buktinya FPN telah menjalankan aktiviti ini bersama En. Aizat Arshad (alumni FPN) tentang pengetahuan dan peranan setiausaha syarikat. Pendedahan yang telah dikongsi ini bukan sahaja terhad kepada ilmu yang bakal diraih dalam kuliah sahaja, malah melangkaui sempadan bilik darjah dengan **pendedahan pengalaman** penceramah sendiri (**Bukti 3.7.1**). **Integrasi** dan perkongsian begini secara positifnya dapat membuka mata dan memotivasikan pelajar untuk turut berjaya dalam profesion yang bakal diceburi di masa depan.

Keterangkuman elemen akademik dan bukan akademik dalam pendidikan yang holistik adalah elemen penting dalam melahirkan graduan yang berdaya saing. Oleh itu, FPN telah menjalankan beberapa sesi **aktiviti keusahawan** seperti Karnival Keusahawan: Tradisi Kita (**Bukti 3.7.2**) yang memfokuskan pembangunan komuniti progresif antara pelajar FPN dan masyarakat awam. Inisiatif ini juga telah berjaya memberi impak kepada inovasi yang berasaskan semangat kesukarelawan melalui inisiatif keusahawan seperti **penglibatan warga FPN di dalam pertandingan inovasi** keusahawanan i-SIIDEC 2024. Para peserta yang terdiri dari pensyarah FPN selaku mentor dan pelajar sebagai peserta berjaya merangkul pingat emas, perak dan gangsa (**Bukti 3.7.3**).

Demi memastikan pembangunan kemahiran pelajar yang bersifat global, FPN telah **berkolaborasi dengan badan-badan profesional** untuk memastikan nilai-nilai kelestarian dalam dalam kerjaya pelajar kelak. FPN telah menandatangani perjanjian bersama badan profesional seperti ACCA dan CIMA (**Bukti 3.7.4**). Dengan adanya kolaborasi tersebut, FPN melahirkan graduan yang mendapat dua pencapaian, iaitu ijazah sarjana muda atau Sarjana UiTM berserta sijil dari badan profesional.

Dengan keterangkuman masyarakat yang kurang bernasib baik, FPN juga telah menjalankan **aktiviti bersama komuniti** yang memerlukan demi kelestarian dan kelangsungan hidup mereka seperti asnaf. FPN telah berjaya menganjurkan program **pendedahan kepada kepentingan pengurusan kewangan** kepada golongan ini. Aktiviti yang dijalankan untuk mencapai matlamat ini seperti 'Program Pemindahan Ilmu Kos Kewangan, Asas Perakaunan dan Undang-Undang Perniagaan untuk Usahawan Mikro dan Usahawan Asnaf' dengan dana yang disumbangkan **oleh pihak Maybank Islamic (Bukti 3.7.5)**.

Semua aktiviti ini berjaya dijalankan hasil daripada keberkesanan integrasi yang efektif di antara pelanggan dalaman iaitu warga FPN serta pelanggan luar seperti alumni dan komuniti.

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_T01_TB05_20251_Bukti_3.7.1 - Collaborative Teaching with Alumni.pdf](#)
2. [F0014_T01_TB05_20252_Bukti_3.7.2 - Inovasi Keusahawanan.pdf](#)
3. [F0014_T01_TB05_20253_Bukti_3.7.3 - Innovation Award.pdf](#)
4. [F0014_T01_TB05_20254_Bukti_3.7.4 - Senarai pelajar yang tamat MSMA dengan CIMA.pdf](#)
5. [F0014_T01_TB05_20255_Bukti_3.7.5 - Projek ASNAF.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

FPN UiTM terus mencapai kecemerlangan JAK dengan slogan “*Together We Excel*”. FPN komited dalam memperkukuhkan JAK sebagai komponen utama dalam **ekosistem pendidikan lestari**. Berpandukan Perancangan Strategik Fakulti dan aspirasi UiTM2025, pelbagai inisiatif dilaksanakan dengan fokus kepada **penciptaan impak** bersama pelanggan melalui operasi yang cekap, berstruktur dan berasaskan data.

Tema JAK FPN merangkumi **3E** (Kecekapan, Keberkesanan, Ekonomi), **Peningkatan Bakat**, dan **3J** (Jana, Jimat, Jariah), FPN melaksanakan perancangan strategik yang holistik melalui pendekatan pengukuran dan analisa yang komprehensif. Tema JAK FPN membawa definisi seperti berikut:

Alumni Berdaya = Alumni yang berpengetahuan, berkemampuan dan responsif, memainkan peranan strategik dalam menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara.

Komuniti Sejahtera Progresif = Komuniti inklusif dan adaptif yang terbuka kepada perubahan, serta mengutamakan kerjasama demi kemajuan bersama

Nilai Lestari = Nilai murni yang berterusan dan seimbang, menyokong kelestarian sosial, ekonomi dan alam sekitar selaras dengan SDG.

Tema JAK FPN menggambarkan kekuatan alumni yang aktif berteraskan prinsip kesukarelawan, komuniti yang terbela, dan kesan nilai yang mampan selaras dengan SDG dan selari dengan aspirasi untuk menjadi ‘*Globally Renowned University*’ (UiTM 2025) juga ‘*Globally Respected*’ (UiTM 2024). ‘*Globally Respected*’ ini boleh diukur melalui enam tonggak utama iaitu [5] Penglibatan aktif bersama industri, pihak berkuasa / agensi kerajaan dan [6] Penglibatan aktif alumni.

Perancangan (**PLAN**) tahunan FPN bermula dengan mengenalpasti dan merancang aktiviti JAK dengan penglibatan warga FPN secara menyeluruh. Usaha-usaha meningkatkan kesedaran serta motivasi menggalakkan penyertaan aktiviti JAK dirancang melalui hebahan awal didalam mesyuarat akademik dan *Whatsapp* Fact Santai. Program yang dirancang untuk JAK seperti "Dynamic Linkages," "Impactful USR/KTP" dan "FACTREPRENEURIAL" menjadi penggerak dan pemandu arah serta memberi sokongan yang diperlukan kepada usaha warga untuk mencapai matlamat yang disasarkan. Perancangan pengukuran pencapaian aktiviti JAK dibuat berdasarkan ketetapan KPI BTU pada awal tahun dan diperhalusi melalui mesyuarat perancangan strategik FPN.

Model pengukuran dan analisa holistik (**DO**) memastikan keberkesanan perancangan JAK diukur melalui prestasi individu, Kluster Bakat, dan kumulatif Fakulti. Pelbagai mekanisme dan sistem digunakan untuk mengukur prestasi individu dan Kluster Bakat termasuk MyATP, PRIME, IRES, SMART dan NILAM, serta instrumen Pejabat Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI). Model pengukuran pencapaian melihat kepada perbandingan analisa data sasaran dan pencapaian sebenar, trend tahunan dan analisis kawalan risiko. Pencapaian fakulti pula dilaporkan melalui sistem UiSMS dan dinilai menggunakan Skor-i UiTM, objektif MKSP, skor MyRA, QS ranking, Happiness Index dan Anugerah Metic.

Pemantauan pelaksanaan perancangan (**CHECK**) dilakukan melalui mekanisme Holistik 3E yang melibatkan model pengukuran dan analisa holistik, dan maklumbalas pelanggan. Kaedah pengukuran pemantauan dibuat menerusi pelbagai mesyuarat dan pelaporan secara berkala.

MKSP dibentuk untuk mengkaji semula pengurusan dan mengenalpasti pengurangan risiko seiring dengan sasaran Plan Strategik UiTM 2025. Pelaporan kemajuan dan pencapaian aktiviti JAK dikongsi secara telus melalui perjumpaan pengurusan kanan dan staf secara atas talian serta e-newsletter FPN.

Strategi penambahbaikan (**ACT**) dirancang, dilaksanakan, dan keberkesannya diukur serta dianalisa. Keputusan disebarikan kepada warga FPN pada setiap awal semester melalui Mesyuarat Staf Akademik oleh Dekan FPN dan TDPJI. Strategi melalui MoU/MoA, kolaborasi bersama komuniti dan usahawan kecil, dan lantikan 24 'Alumni Ambassadors' menunjukkan prestasi JAK yang cemerlang pada tahun 2024.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

FPN mengutamakan pencapaian cemerlang bagi melahirkan **alumni berdaya, komuniti inklusif, nilai lestari**. Rajah 4.2.1 menunjukkan hubungan antara pembangunan akademik, pembangunan pelajar, dan penyelidikan serta inovasi dalam mencapai misi universiti. FPN percaya bahawa usaha bersepadu dalam ketiga-tiga bidang ini, bersama penerapan prinsip 3E, Peningkatan Bakat, dan 3J, akan menghasilkan sinergi dan memaksimumkan sumber. Pelan Tindakan Strategik dirangka FPN bagi memastikan kekuatan alumni yang aktif, komuniti yang terbela dan kesan nilai yang mampan terlestari. (BUKTI 4.2a)

Prestasi individu diukur melalui system MyATP dibawah pencapaian '*service & administration*' dan '*innovation & entrepreneurial*'. (BUKTI 4.2b) Instrumen ini digunakan untuk mengukur pencapaian pensyarah dalam melahirkan alumni berdaya melalui peranan sebagai penasihat akademik yang membantu pelajar membuat pilihan bijak dan bersedia menghadapi alam pekerjaan.

Selain itu, khidmat masyarakat oleh pensyarah dan pelajar melalui projek komuniti menyumbang kepada pemindahan ilmu, meningkatkan kesedaran sosial, dan kemajuan komuniti sasaran.

Pencapaian individu bagi '*innovation & entrepreneurial*' pula diukur menggunakan empat indikator termasuk Anugerah Inovasi, Paten & Hak Cipta Inovasi, Keusahawanan, Inovasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran. Instrumen pengukuran yang digunakan ke atas para pensyarah ini secara tidak langsung mendedahkan pelajar kepada kebolehan berinovasi dan kemahiran keusahawanan bagi membentuk alumni yang bukan hanya mencari kerja, tetapi mampu mencipta pekerjaan.

Pada tahun 2024, seramai 22 orang pensyarah FPN dilantik sebagai Jurulatih Keusahawanan Bertauliah yang ditugaskan untuk membimbing pelajar-pelajar yang berminat dalam bidang keusahawanan bagi mengembangkan kemahiran dan idea perniagaan mereka. Antara projek berkaitan '*innovation & entrepreneurial*' yang dilaksanakan ialah *BizStart*, *Pitch Your Product*, *Vendor Students Rack Day*, *Digital Entrepreneur Workshop*, dan *Digital Tech Entrepreneur Apprentice*, selain penyertaan pensyarah dan pelajar dalam pertandingan inovasi di pelbagai peringkat.

Penglibatan secara sukarela oleh pensyarah dan pelajar FPN dalam program sosial keusahawanan memberi nilai tambah kepada masyarakat serta menghasilkan inovasi berteraskan kelestarian alam dan sosial. Program-program yang dijalankan pada tahun 2024 termasuk Program Inkubator Keusahawanan di Pasar Malam Saujana Utama, hidroponik, dan kitar semula. Para pensyarah juga menggalakkan pelajar mengadaptasi prinsip kelestarian dalam projek pembelajaran mereka. Antaranya, pelajar-pelajar menghasilkan dan mempamerkan idea perniagaan dengan elemen kelestarian semasa program '*Innovative Business Idea Challenge*' bagi kursus *Strategic Management Accounting* (MAF661). (BUKTI 4.2c).

Semua projek komuniti didaftarkan dalam Sistem PRIME Star Rating dan penarafan bintang yang diperolehi akan diselaraskan secara automatik ke dalam sistem MyATP. Projek yang menerima penarafan 1 atau 2 bintang diklasifikasikan sebagai Level 1 (kategori USR) dan akan direkodkan di bawah Komponen K3 (Khidmat Komuniti). Sementara itu, projek yang mencapai penarafan 3 hingga 5 bintang diklasifikasikan sebagai Level 2 (kategori CE) dan akan direkodkan di bawah Komponen K2 (Konsultansi tanpa bayaran). (Bukti 4.2d)

FPN memperkukuhkan JAK melalui lapan Kluster Bakat (Bukti 4.2e). Pencapaian *fakulti* dinilai menggunakan Skor-i UiTM dan objektif MKSP Prestasi individu dan Kluster Bakat yang cemerlang diiktiraf dalam Majlis Kecemerlangan Fakulti.

SENARAI BUKTI:

1. [F0014_A01_AB02_20251_Bukti 4.2a FPN_S2EM& KEBOLEHPASARAN ALUMNI.docx.pdf](#)
2. [F0014_A01_AB02_20252_Bukti 4.2b Indikator pengukuran.pdf](#)
3. [F0014_A01_AB02_20253_Bukti 4.2c Indikator pengukuran innovation & entrepreneurial.docx.pdf](#)
4. [F0014_A01_AB02_20254_BUKTI 4.2d PRIME Star Rating.docx.pdf](#)
5. [F0014_A01_AB02_20255_Bukti 4.2e Kluster Bakat.docx.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi menyokong pelan strategik “**UiTM Globally Respected 2024**”, strategi berimpak tinggi dirangka menerusi **FPN SAP 2024 ICAN dan MASMED** dengan inisiatif strategik bidang tumpuan kepada tiga projek utama yang dicerap kepada **KPI BTU UiTM** dan **Objektif Kualiti FPN**. (Bukti 4.3a)

Melalui projek **Dynamic Linkages**, FPN komited mempercepatkan pelaksanaan 500 Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) antarabangsa berimpak tinggi. Inisiatif ini digerakkan melalui libat urus strategik bersama industri antarabangsa, rakan tempatan serta kolaborasi rentas sempadan. Antara program strategik yang dilaksanakan termasuk Alumni Ambassador, Students Ambassadorship, JPPro, IPN, Multiple Pathway Academic Program (MSMA-CIMA), BACC Pro (ACCA, CIMA, MICPA), 3U1i, Degree Plus (PwC & ACCA), Program SULAM, dan USR Sekolah. Program-program ini memperkukuh jaringan industri, membuka ruang kerjasama global dan meningkatkan kebolehpasaran graduan. Pencapaian FPN dinilai melalui sistem Skor-i UiTM dengan indikator seperti bilangan alumni bergelar usahawan, jumlah MoU/MoA baharu dengan industri antarabangsa dan rakan tempatan, serta bilangan aktiviti di bawah perjanjian tersebut. FPN berjaya mencapai sasaran KPI dengan menunjukkan peningkatan pada tahun 2024, khususnya dalam aspek bilangan alumni yang bergelar usahawan serta jumlah MoU/MoA yang dimeterai bersama industri antarabangsa. (Bukti 4.3b)

Melalui pelaksanaan **Program Impactful USR/KTP**, FPN menyasarkan pengukuhan jalinan strategik dan sukarelawan bersama alumni dan industri menerusi kerjasama dengan pemain industri terkemuka serta institusi akademik bertaraf dunia yang berprestij. Bagi menilai keberkesanan program ini, beberapa indikator utama digunakan termasuk bilangan program USR dan KTP yang dilaksanakan, jumlah dana yang diterima daripada sumber luar, jumlah perbelanjaan program, bilangan komuniti yang menerima manfaat serta bilangan program khidmat kepakaran alumni yang dijalankan. Antara projek yang telah berjaya dilaksanakan di bawah inisiatif ini termasuk Projek Asnaf, Alumni Homecoming, Program SULAM, USR Sekolah, Taklimat Hala Tuju Selepas SPM, serta inisiatif lestari seperti Hidroponik dan Kitar Semula. FPN mencapai 100% pencapaian KPI, termasuk peningkatan 100% dalam pendaftaran MyAlumni UiTM Virtual Card. Pencapaian ini mencerminkan komitmen FPN dalam memperkukuh hubungan strategik serta memberi impak positif kepada alumni dan komuniti melalui pemindahan ilmu dan pembangunan mampan. (Bukti 4.3c)

Program **FACTREPRENEURIAL** memberi panduan asas praktikal pendaftaran syarikat, mewujudkan platform pertumbuhan perniagaan, serta memupuk hubungan strategik antara vendor, mentor dan pelajar dalam bidang inovasi dan teknologi. Antara indikator utama yang digunakan termasuk bilangan pelajar IPT yang terlibat dalam keusahawanan, bilangan syarikat pelajar yang menerima pembiayaan bersama oleh pelabur permulaan (start-up), bilangan kerjasama dengan agensi, bilangan pendidik yang mempunyai kepakaran keusahawanan, serta bilangan syarikat pemula pelajar berasaskan inovasi digital dan teknologi. Aktiviti utama yang berjaya dilaksanakan termasuk *Bizzstart*, *Pitch Your Product*, *Vendor Students Rack Pay*, *Digital Entrepreneurship Workshop*, *Digital Tech Entrepreneurs Apprentice* dan *Innovation Competition* yang membuka peluang pelajar meneroka dunia perniagaan sebenar serta membina jaringan industri yang bernilai. Kesemua aktiviti telah mencapai 100% pelaksanaan, kecuali *Digital Entrepreneur Workshop* yang kini berada pada tahap 50% dalam proses pelaksanaan. (Bukti 4.3d)

Analisa data merangkumi perbandingan sasaran dan tahunan digunakan untuk mengukur perubahan dalam parameter prestasi dan menilai impak tindakan setiap inisiatif yang telah dibuat seperti pelaporan PI Objektif Kualiti FPN MKSP dwi-tahunan termasuk analisis pencapaian item ukuran i-Score dan SAP Fakulti (BUKTI 4.3e).

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_A01_AB03_20251_Bukti 4.3a FPN ICAN&MASMED.docx.pdf](#)
2. [F0014_A01_AB03_20252_Bukti 4.3b Projek SAP Dynamic Linkages.docx.pdf](#)
3. [F0014_A01_AB03_20253_Bukti 4.3c Projek Impactful USRKTP.docx_compressed.pdf](#)
4. [F0014_A01_AB03_20254_Bukti 4.3d Projek FACTREPRENEURIAL.docx.pdf](#)
5. [F0014_A01_AB03_20255_Bukti 4.3e_Jenis Data, Sumber dan Pengukuran Data.docx.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan pelaksanaan inisiatif strategik bidang tumpuan tiga projek utama dilakukan dengan koordinasi bersama **PJI, Unit Kualiti FPN, Unit Perancangan Strategik (UPS) dan Unit Pengurusan Risiko (UPR)** melalui mekanisma pelaporan berkala. Pelbagai laporan dibentangkan dalam mesyuarat seperti berikut: (BUKTI 4.4.1a).

1. Laporan Kemajuan FACT SAP RICAEN suku-tahunan
2. Laporan Pencapaian Objektif Kualiti FPN dwi-tahunan
3. Laporan Risiko e-RMS

Laporan-laporan ini dibentangkan di pelbagai mesyuarat FPN seperti **MKSP, MPE-BTU, FACT SAP, JPR** bersama dengan **dapatan audit dalam** bagi mengesahkan semakan terhadap pelaksanaan dan pencapaian keseluruhan status pelaksanaan inisiatif perancangan strategik FPN. **Pemantauan pelaksanaan turut memfokus perbandingan sasaran pencapaian pelaporan** i-Score, Objektif Kualiti dan MyRA bagi menentukan sasaran dicapai dan menepati *standard* kualiti. Analisa data ini dijadikan “**Red Flag**” **indikator** kepada kemajuan pelaksanaan aktiviti. Jika sesuatu perancangan tidak memuaskan, **tindakan pembetulan dan pencegahan** yang bersesuaian akan diambil bagi memastikan sasaran bidang tumpuan tercapai. Pelaporan aktiviti yang bermasalah dan menghadapi risiko pelaksanaan direkod dalam **Daftar Kawalan Risiko PJI** (BUKTI 4.4.1b). Tindakan awal pemantauan melalui proses kenal pasti punca, impak dan strategi menangani risiko dilakukan bagi aktiviti bermasalah. Status pencapaian bidang tumpuan seperti aktiviti USR dan geran luaran bagi aktiviti USR, aktiviti, isu-isu, permasalahan, cadangan dan strategi penambahbaikan berkaitan bidang tumpuan dibincangkan dalam laporan dengan catatan di minit mesyuarat.

Hasil analisa data membantu menentukan aktiviti-aktiviti yang memerlukan penambahbaikan prestasi, kelemahan dan potensi peningkatan dalam bidang tumpuan. Penambahbaikan strategi aktiviti hasil dari input analisa data menjadi dokumentasi penting dan diubahsuai mengikut keperluan aktiviti. Aktiviti penambahbaikan seperti kerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri menyemarakkan lagi aktiviti USR dengan sekolah-sekolah di Selangor khasnya sekolah sekitar Puncak Alam. Selain itu Kluster Bakat bertindak sebagai penggerak kepada aktiviti USR selain dari aktiviti penyelidikan. Sebanyak 9 USR telah dikendalikan oleh Kluster Bakat pada tahun 2024.

Aktiviti dan keberhasilan langkah-langkah penambahbaikan prestasi dalam bidang tumpuan dimaklumkan kepada warga FPN menerusi perkongsian komprehensif dan terbuka di **mesyuarat akademik FACT secara dwi-tahunan dan grafik poster yang menarik di WhatsApp** dengan tepat dan terkini. Penerbitan e-newsletter dan e-book dilaman web FPN menunjukkan ketampakan FPN kepada warga maya menyebarkan maklumat disamping **media sosial FPN** seperti YouTube, FB, Instagram yang turut berkongsi maklumat untuk paparan umum (BUKTI 4.4.1c).

SENARAI BUKTI:

1. [F0014_A01_AB04_AC01_20251_FPN 4.4.1a_Pelbagai Laporan dan Status Pencapaian.pdf](#)
2. [F0014_A01_AB04_AC01_20252_FPN 4.4.1b_Daftar Kawalan Risiko.pdf](#)
3. [F0014_A01_AB04_AC01_20253_FPN 4.4.1c_Hebahan Pemakluman Pencapaian FPN_compressed.pdf](#)
4. [F0014_A01_AB04_AC01_20254_Bukti 4.3d Projek FACTREPRENEURIAL.docx.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pejabat PJI dan UPR FPN saling berkerjasama dalam memantau risiko bidang tumpuan menerusi laporan berkala yang dibentangkan di mesyuarat pengurusan risiko dan MKSP. Pelaporan **aktiviti yang bermasalah dan menghadapi risiko** pelaksanaan direkod dalam **Daftar Kawalan Risiko PJI** (BUKTI 4.4.2a). Sumber data risiko **aktiviti bidang tumpuan** iaitu risiko program USR tidak dapat mencapai sasaran Fakulti dan risiko program jaringan bersama Alumni tidak mencapai sasaran Fakulti.

Pengurusan risiko UITM menetapkan **6 elemen penting** kawalan risiko iaitu risiko **strategik, kewangan, perundangan, reputasi, operasi dan projek**. UPR FPN mengkategorikan risiko berkaitan aktiviti JAK kepada risiko strategik dan risiko kewangan yang perlu ditangani oleh PJI sebagai unit risiko. Sebanyak dua risiko strategik didaftarkan.

Analisa data risiko dikenalpasti dari senarai aktiviti, keterangan risiko aktiviti, penyebab, impak dan kaedah kawalan risiko. **Tahap penilaian risiko diukur dengan merit rendah, sederhana dan tinggi ke atas impak risiko. Kemaskini status kawalan risiko dibuat setiap suku tahun bagi menilai perubahan merit penilaian risiko** (BUKTI 4.4.2b). Dalam proses ini, risiko dikenalpasti, dinilai, dan ditangani untuk memastikan pengurusan data yang efektif. Risiko utama yang dihadapi dalam pengukuran dan analisa data ialah data tidak lengkap di mana sesetengah program USR/KTP dan jaringan alumni tidak dilaporkan. Tindakan awal pemantauan isu pelaporan tidak lengkap atau tiada laporan dibuat melalui penganjuran bengkel pelaporan projek USR ke dalam sistem PRIME kepada ketua projek. Kegagalan dalam pengurusan risiko akan memberi impak kepada kos, pelaksanaan dan sasaran yang dirancang.

Pejabat PJI bersama Penyelaras Risiko bertanggungjawab dalam pengurusan pengetahuan risiko bidang tumpuan seperti mengemaskini sistem PRIME, template laporan kawalan impak risiko, dan analisis pengurusan risiko. Penyelaras Risiko memantau tahap pelaksanaan pengurusan risiko bidang tumpuan pada setiap suku-tahunan melalui template laporan yang dikemaskini oleh PJI. Data **dianalisis dan dilaporkan secara visual melalui graf/carta** bagi **memudahkan pemahaman semasa dibentangkan** kepada Ketua Pemilik Risiko (Dekan) dalam mesyuarat MKSP dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko (JPR) (BUKTI 4.4.2c). Sumber data yang telah disahkan dalam mesyuarat JPR akan dimasukkan ke sistem e-RMS bagi penghasilan **laporan risiko tahunan e-RMS PJI**(BUKTI 4.4.2d).

Pengurusan pengetahuan data yang baik mengurangkan risiko yang kurang tepat. Laporan yang jitu memberi keyakinan Ketua Pemilik Risiko bersama pengurusan tertinggi FPN membuat keputusan strategik yang berkesan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_A01_AB04_AC02_20251_FPN 4.4.2a_Daftar Kawalan Risiko.xlsx - Daftar Risiko.pdf](#)
2. [F0014_A01_AB04_AC02_20252_FPN 4.4.2b_Tahap Penilaian Risiko.pdf](#)
3. [F0014_A01_AB04_AC02_20253_FPN 4.4.2c_Pembentangan Pengurusan Risiko.pdf](#)
4. [F0014_A01_AB04_AC02_20254_FPN 4.4.2d_Laporan Risiko Tahunan e-RMS.pdf](#)

4.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

FPN menganalisa secara berkala hasil tindakan dalam konteks pengukuran, analisa, dan pengurusan pengetahuan untuk memahami impak dan keberkesanan tindakan tersebut bagi tujuan penambahbaikan. Ia dilakukan melalui **MPE secara bulanan, Mesyuarat FPN-SAP secara suku tahunan, dan MKSP secara dwi-tahunan**. Prosedur MKSP (BUKTI 4.4.3a) yang jelas diwujudkan sebagai garis panduan bagi memastikan proses kaji semula pengurusan dilaksanakan secara terancang dan berkesan di bawah kaedah yang ditetapkan oleh pengurusan FPN.

Proses analisis hasil tindakan bermula dari **pengumpulan hasil data** oleh Penyelaras dan Koordinator melalui sumber pelaporan sistem UiSMS, PRIME, SMART dan NILAM dan pelbagai laporan berkala, maklum balas pengguna, dan penilaian risiko. **Data hasil tindakan ini akan dianalisa**, melibatkan penilaian pencapaian matlamat yang dirancang, perubahan yang diperolehi, dan manfaat dari tindakan penambahbaikan tersebut. **Hasil analisis dijelaskan, diinterpretasikan dan dibentangkan** di MKSP. Punca-punca masalah dikenalpasti melalui **perbandingan sasaran dan tahunan, diikuti dengan rumusan dan langkah-langkah penambahbaikan yang perlu diambil**. Berdasarkan analisis hasil tindakan yang dibentangkan di MKSP, **cadangan penambahbaikan** yang bersifat strategik dan operasi turut dibincangkan (BUKTI 4.4.3b). MKSP bertanggungjawab untuk melaksanakan tindakan susulan dalam tempoh masa yang ditetapkan seterusnya memajukan laporan keberkesanan tindakan yang telah diambil kepada Dekan. Sekiranya tindakan yang diambil tidak berkesan, perbincangan dibuat dengan Ahli MKSP untuk tindakan pembetulan.

Dalam konteks pengukuran, analisa, dan pengurusan pengetahuan bidang tumpuan, isu berkaitan data pelaporan tidak lengkap atau tidak dilaporkan, ianya ditambahbaik dengan penganjuran bengkel pelaporan projek USR ke dalam sub-menu Star di sistem PRIME yang memberi panduan kepada Ketua Projek memasukkan input data secara terus disistem PRIME. Oleh itu, prosedur pelaporan dapat dipercepatkan apabila Ketua Projek sendiri yang membuat pelaporan tanpa perlu menunggu Koordinator ICAN yang hanya memantau kemajuan data pelaporan. Hasil penambahbaikan ini, data pelaporan boleh diperolehi dengan lebih cepat, efisien dan terkini. (BUKTI 4.4.3c).

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_A01_AB04_AC03_20251_FPN 4.4.3a_Agenda MKSP.pdf](#)
2. [F0014_A01_AB04_AC03_20252_FPN 4.4.3b_Minit Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan.pdf](#)
3. [F0014_A01_AB04_AC03_20253_FPN_4.4.3c_Bengkel Pelaporan PRIME.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pembudayaan disiplin dalam perancangan teratur dan pemantauan risiko yang efisien adalah kunci utama kecemerlangan 3P FPN. Model **PDCA (Plan, Do, Check, Act)** yang dipraktikkan oleh FPN telah memartabatkan fakulti ini sebagai salah satu fakulti JAK terbaik di UiTM, meningkatkan prestasi dari induk hingga cawangan seluruh Malaysia (BUKTI 4.5 a). Hasil JAK FPN, seperti kerjasama erat bersama alumni melalu 'Alumni Ambassadors', projek SULAM melibatkan hampir 200 perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), dan program kesukarelawan bukan saja diperingkat nasional malah antarabangsa (BUKTI 4.5 b).

Penganalisan data **Kluster Bakat** membantu FPN menambahbaik pencapaian JAK dengan **mengenalpasti kolaborator yang sesuai**, menghasilkan sinergi berterusan, dan kerjasama berkesan. Aktiviti JAK FPN melibatkan pelajar, pensyarah, alumni, komuniti, rakan industri, institusi pengajian tinggi, dan badan profesional di peringkat lokal dan antarabangsa. Contohnya, Prof. Madya Dr. Nadiah dan pasukannya menjalankan kolaborasi penyelidikan, konsultasi, dan pengkomersilan bersama LHDN dan komuniti asnaf (BUKTI 4.5 c). Hasil analisa data kluster juga menunjukkan **aktiviti ahli kluster** bukan saja berkisarkan penyelidikan tetapi menekankan projek penglibatan komuniti dan "University Social Responsibility" (USR), seperti projek SULAM yang melibatkan hampir dua ratus perusahaan mikro, kecil, dan sederhana (PMKS) tempatan serta empat PMKS di Indonesia, dengan kerjasama antarabangsa seperti Universitas Singaperbangsa Karawang (UNSIKA) dan Universitas Padjajaran (UNPAD), Indonesia, dan Durban University of Technology (DUT), Afrika Selatan (BUKTI 4.5 d). Oleh itu, Kluster Penyelidikan **dinaiktaraf menjadi Kluster Bakat**, dengan lapan kluster dan aktiviti "mentoring" yang memberi impak signifikan kepada pembudayaan JAK di FPN. Insentif seperti anugerah kecemerlangan dan pengiktirafan mendorong ahli kluster bekerja lebih keras.

Aktiviti JAK yang bersifat kesukarelawan amat memerlukan komitmen yang tinggi dari warga FPN, Alumni dan Komuniti. Di peringkat individu, hasil penganalisan data pencapaian JAK FPN menunjukkan beberapa cabaran, termasuk kekangan masa dan kekurangan akses berkaitan JAK. Ini disebabkan oleh semua aktiviti JAK dijalankan secara saling kerjasama diantara pensyarah, pelajar, alumni dan komuniti sasaran yang juga mempunyai tanggungjawab lain yang perlu digalas. Di peringkat Fakulti pula, isu kekurangan dana menyebabkan beberapa program dalam aktiviti yang dirancang tidak dapat dijalankan dengan sepenuhnya. Untuk mengatasi isu ini, FPN menyusun pelan tindakan strategik JAK 2020-2025, melalui aktiviti "Dynamic Linkages", "Impactful USR/KTP" dan "FACTREPREPNUERIAL" dengan kolaborasi ahli Talent Cluster yang menjalankan aktiviti berkenaan. Penyebarluasan aktiviti JAK kepada ahli Talent Cluster telah menggalakkan keterlibatan ramai warga FPN dan dapat mengurangkan beban pihak PJI untuk menjalankan aktiviti yang dirancang secara sendirian. Masalah kekurangan dana pula cuba diatasi melalui tajaan dari pihak Alumni, industri dan juga aktiviti inovasi 3J penjana pendapatan seperti Bizstart, Hidroponik dan i-Asnaf. Inisiatif ini telah meningkatkan prestasi JAK di FPN, termasuk peningkatan jumlah MOA dan MOU serta projek USR serta keusahawanan berimpak pada tahun 2024. Kejayaan JAK FPN dikongsi melalui FACT e-newsletter dan media sosial untuk meningkatkan ketampakan dan reputasi FPN (BUKTI 4.5 e).

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_A01_AB05_20251_BUKTI 4.5a.pdf](#)
2. [F0014_A01_AB05_20252_BUKTI 4.5b.pdf](#)
3. [F0014_A01_AB05_20253_BUKTI 4.5c.pdf](#)
4. [F0014_A01_AB05_20254_BUKTI 4.5d.pdf](#)
5. [F0014_A01_AB05_20255_BUKTI 4.5e.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Fokus utama FPN dalam pembangunan sumber manusia adalah **memperkuh JAK** sebagai komponen teras dalam ekosistem pendidikan lestari, ke arah merealisasikan kecemerlangan akademik dan sosial. Staf menjadi pemacu utama pelbagai inisiatif dan projek yang diselaraskan dengan Petunjuk Prestasi (PI) dan objektif kualiti fakulti. FPN percaya bahawa kecemerlangan organisasi bermula dengan kecemerlangan warga kerja.

Bagi menyokong usaha ini, FPN mengaplikasikan Model Pengurusan Sumber Manusia: *Attract, Develop, Motivate & Retain (ADR)* melalui pendekatan **PDCA (Plan–Do–Check–Act)**. Dalam fasa “**Plan**”, pelbagai strategi digariskan untuk **menarik dan mengekalkan** bakat terbaik. Perancangan pembangunan staf disusun berdasarkan Kluster Bakat, PI, dan objektif kualiti fakulti. Jurang kemahiran serta keperluan latihan dikenal pasti untuk memastikan staf memiliki kompetensi yang relevan. **FACT Scholarship Map** digunakan untuk membuat unjuran staf akademik berdasarkan bidang kepakaran, bagi memastikan pelantikan pensyarah sejajar dengan keperluan semasa dan hala tuju fakulti. Media sosial pula dimanfaatkan untuk mempromosikan pencapaian pensyarah, sekali gus menarik minat calon berkualiti tinggi. Tambahan pula, program **Alumni Ambassador** diwujudkan untuk memperkuh jaringan JAK, dengan 46 alumni dilantik sebagai duta pada tahun 2024.

Fasa **Do** melibatkan pelaksanaan pembangunan kompetensi staf. Aktiviti dijalankan oleh **Kluster Bakat dan Unit ICAN** berdasarkan perancangan yang telah ditetapkan. Setiap pensyarah diklasifikasikan ke dalam kluster berdasarkan minat dan kepakaran, lalu diberi tanggungjawab melaksanakan projek tahunan JAK. Contohnya, program University Social Responsibility (USR) bersama Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Selangor pada tahun 2024 telah dilaksanakan oleh empat kluster terlibat. Antara inisiatif utama lain ialah program Training of Trainers yang melatih pensyarah sebagai penasihat lepasan SPM, dan program USR yang berfungsi sebagai platform membina kepimpinan sosial, memupuk nilai kesukarelawanan dan memperkuh hubungan komuniti. Dalam fasa ini pensyarah **belajar, mengembangkan kemahiran, membina kepakaran, dan mencipta nilai akademik serta sosial**. Apabila digabung dengan strategi dalam Model ADR: Develop, fasa ini menjadi kunci utama kepada **pengembangan holistik** staf akademik.

Fasa “**Check**” tertumpu kepada **penilaian berkala** terhadap **keberkesanan inisiatif** pembangunan staf. **Pemantauan** dilakukan bagi menilai pencapaian berbanding sasaran, menganalisis maklum balas dan prestasi pensyarah, serta **mengenal pasti ruang penambahbaikan**. Antara sistem yang digunakan termasuk PRIME, SMART, laporan prestasi kluster, serta platform rasmi seperti Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) dan Mesyuarat Eksekutif Fakulti. Di samping itu, saluran aduan dan Indeks Kebahagiaan UiTM digunakan untuk menilai tahap kepuasan dan kesejahteraan staf.

Selaras dengan komponen **Motivate & Retain** dalam model ADR, pengiktirafan dan kesejahteraan staf diberi penekanan sebagai **strategi mengekalkan bakat cemerlang**. FPN menganjurkan Majlis Penghargaan Tahunan bagi meraikan pencapaian individu dan kumpulan, termasuk anugerah seperti “Kumpulan Projek Terbaik” serta hebahan pencapaian melalui platform media rasmi fakulti. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan motivasi, tetapi juga menyemai rasa penghargaan dan kebersamaan dalam kalangan warga fakulti. Melalui sistem penilaian yang berstruktur dan ganjaran yang bersasar, FPN memastikan staf yang berprestasi

tinggi terus dinargai, didorong, dan dikekaikan sebagai aset penting dalam menjayakan agenda JAK.

Kesimpulannya, pendekatan menyeluruh yang berasaskan model PDCA dan ADR membuktikan komitmen FPN dalam menjayakan agenda JAK secara lestari. Slogan “**Alumni Berdaya, Komuniti Sejahtera, Nilai Lestari**” dizahirkan melalui perancangan strategik, pelaksanaan menyeluruh dan impak sebenar terhadap komuniti serta pembangunan akademik fakulti.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pendekatan Strategik Pembangunan Sumber Manusia FPN Berasaskan Model ADR

Aspirasi pengurusan dan pembangunan sumber manusia (PPS) adalah untuk melahirkan warga fakulti yang berdaya saing dan seimbang dari segi profesionalisme serta nilai kemanusiaan. **Pendekatan** ini menyokong objektif JAK dalam membentuk **alumni yang berdaya, komuniti yang progresif dan nilai yang lestari**. Sehubungan itu, FPN mengadaptasi pendekatan bersepadu melalui **Model ADR: Attract, Develop, Motivate & Retain**, yang disokong oleh struktur **Kluster Bakat dan Unit ICAN** dalam membina budaya kecemerlangan bakat.

Sebagai asas kepada pendekatan ini, FPN membentuk **lapan (8) Kluster Bakat** mengikut bidang kepakaran dan minat pensyarah. Semua pensyarah diwajibkan menyertai salah satu kluster sebagai platform pembangunan profesional dan pelaksanaan inisiatif fakulti seperti JAK. Kluster diberikan sasaran tahunan antaranya **penglibatan dalam aktiviti JAK**. Pada akhir tahun, prestasi kluster dinilai dan pencapaian cemerlang diberikan anugerah sebagai bentuk pengiktirafan serta pemangkin motivasi. (FPN_5.2a_Senarai Kluster & Anugerah Kluster Bakat Terbaik).

Attract – Perancangan Sumber Manusia yang Strategik

FPN menekankan perancangan strategik terhadap pengambilan staf yang berkelayakan dan berkemampuan sejajar dengan aspirasi menjadi Globally Respected Faculty. Ianya melibatkan unjuran keperluan sumber manusia berdasarkan halatuju strategik dan bidang kepakaran, menggunakan instrumen seperti **FACT Scholarship Map** (FPN_5.2b_FACT Scholarship Map). **Pendekatan ini memastikan keseimbangan kepakaran** dalam pelaksanaan program berimpak seperti JAK. Dalam masa yang sama, pencapaian warga FPN dipaparkan secara aktif di media sosial sebagai **strategi menarik minat** calon pensyarah dan **membina jenama fakulti** (FPN_5.2c_Media Sosial FPN).

FPN juga menetapkan **objektif kualiti yang jelas** bagi memastikan sekurang-kurangnya 50% staf akademik memiliki PhD dan 30% berkelayakan profesional menjelang 2025. Pada tahun 2024, FPN telah mencapai sasaran iaitu 54% staf akademik memiliki kelayakan PhD. Manakala staf berkelayakan profesional adalah 39% keseluruhan.

Develop - Latihan dan Pembangunan Kompetensi

FPN melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memperkukuh keyakinan dan kecekapan warga dalam menyumbang secara aktif kepada aktiviti JAK. Antaranya, program **University Social Responsibility (USR)** dimanfaatkan sebagai platform strategik untuk meningkatkan kompetensi staf melalui pendedahan secara langsung kepada komuniti. Sesi taklimat hala tuju kepada pelajar lepasan SPM, pensyarah diberikan latihan khusus melalui inisiatif **Training of Trainers (ToT)** dalam melatih staf sebagai fasilitator yang berkesan. Justeru, pendekatan ini bukan sahaja memperkasa keterlibatan sosial, malah berfungsi sebagai medan pembangunan kepimpinan, pembinaan nilai kesukarelawanan dan pemupukan tanggungjawab sivik dalam kalangan pensyarah dan pelajar. (FPN_5.2d_Bukti USR FPN).

Selain itu, staf akademik juga diberi autonomi mengikut keperluan Amanah Tugas Pensyarah (ATP) berdasarkan gred dan trek masing-masing selaras dengan pekeliling yang berkuatkuasa.

Selain itu, staf juga bersedia digalakkan untuk menghadiri latihan kepakaran dengan pemakluman jam latihan dibuat dari masa ke semasa. Pada 2024, sejumlah RM48,749.50 telah dibelanjakan untuk tujuan latihan dan peningkatan kepakaran staf (FPN_5.2e_Senarai Latihan).

Retain – Pengiktirafan dan Pemerksaan

FPN mengamalkan sistem pengiktirafan sebagai usaha mengekalkan staf berprestasi tinggi. Sumbangan staf dinilai berdasarkan **komitmen, impak dan keberkesanan** dalam pelaksanaan program. **Majlis Anugerah Tahunan FPN** menjadi platform rasmi penghargaan, yang merangkumi Anugerah Inovasi, Program Pemindahan Ilmu (KTP) dan Kluster Bakat Terbaik FPN (FPN_5.2a_Senarai Kluster & Anugerah Kluster Bakat Terbaik). **Pendekatan** ini bukan sahaja mengekalkan semangat kecemerlangan, malah membina keterikatan jangka panjang staf terhadap misi fakulti seperti JAK.

SENARAI BUKTI:

1. [F0014_S01_SB02_20251_FPN_5.2a_Senara_Kluster_Bakat_&_Anugerah.pdf](#)
2. [F0014_S01_SB02_20252_FPN_5.2b_FACT_Scholarship_map.pdf](#)
3. [F0014_S01_SB02_20253_FPN_5.2c_Media_sosial_FPN.pdf](#)
4. [F0014_S01_SB02_20254_FPN_5.2d_Bukti_USR_FPN.pdf](#)
5. [F0014_S01_SB02_20255_FPN_5.2e_Senarai_Latihan_Staf.pdf](#)
6. [F0014_S01_SB02_20251_FPN_5.2a_Senara_Kluster_Bakat_&_Anugerah.pdf](#)
7. [F0014_S01_SB02_20252_FPN_5.2b_FACT_Scholarship_map.pdf](#)
8. [F0014_S01_SB02_20253_FPN_5.2c_Media_sosial_FPN.pdf](#)
9. [F0014_S01_SB02_20254_FPN_5.2d_Bukti_USR_FPN.pdf](#)
10. [F0014_S01_SB02_20255_FPN_5.2e_Senarai_Latihan_Staf.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Strategi peluasan sumber manusia (PPS) FPN dirangka secara **menyeluruh dan sistematik**, merangkumi aspek pengambilan, pembangunan, penilaian, ganjaran, dan pemerksaan staf akademik.

Antara inisiatif termasuk penyediaan **platform mudah diakses** untuk menyampaikan maklumat berkaitan peluang penglibatan dan pembangunan profesional dalam aktiviti JAK. **Saluran komunikasi** seperti WhatsApp, mesyuarat akademik dan buletin dalaman digunakan secara aktif bagi memastikan penyampaian maklumat yang pantas, menyeluruh dan telus (FPN_5.3a_Sample perkongsian).

Perluasan melalui Kluster Bakat

FPN telah memperkukuh peranan Kluster Bakat dengan **memperluaskan mandat mereka secara sistematik**. Ini membolehkan pelaksanaan strategi PPS dilaksanakan secara **lebih fokus, berimpak dan selaras** dengan kepakaran akademik setiap anggota kluster (FPN_5.2a_Senarai Kluster Bakat & Anugerah). **Sasaran tahunan** bagi aktiviti JAK turut ditetapkan. Sebagai contoh, program **USR** bersama Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Selangor telah dipacu oleh kluster yang dipilih berdasarkan kesesuaian bidang dan keupayaan sedia ada bagi memastikan inisiatif yang dijalankan adalah **relevan, berasaskan kekuatan dalaman kluster** dan memberi kesan terus kepada pihak berkepentingan.

Bagi menyemai **budaya learning organization**, Pembentangan Tahunan Kluster Bakat yang dipengerusikan oleh Dekan dijadikan platform pelaporan pencapaian, perkongsian amalan terbaik dan penilaian sendiri. Ia juga berfungsi sebagai **ruang refleksi** untuk mengenal pasti penambahbaikan dan memperkukuh kesedaran terhadap peranan ahli dalam menjayakan aspirasi JAK.

FPN turut menekankan **amalan pembelajaran berasaskan kolaborasi**, di mana pelaksanaan aktiviti JAK memberi peluang staf belajar antara satu sama lain. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan kerja, malah **mengukuhkan semangat berpasukan dan keterikatan terhadap visi universiti**.

Fleksibiliti keahlian kluster merupakan **sebahagian daripada strategi peluasan FPN**. Pertukaran kluster dibenarkan mengikut kepakaran dan kesesuaian staf. Ini bukti **pendekatan inklusif** FPN dalam menggalakkan staf meneroka potensi diri dan menyumbang secara lebih signifikan. Selain itu, keahlian juga diperluas kepada **kampus cawangan dan fakulti lain** sejak tahun 2020. Langkah ini membuka peluang **kerjasama rentas kampus**, memperkaya pengalaman, dan memperluas pelaksanaan aktiviti JAK dalam pelbagai komuniti dan konteks. (FPN_5.3b_Senarai Ahli Cawangan dan Fakulti Lain)

Penglibatan Alumni

Sehingga Disember 2022, jumlah alumni FPN telah melebihi **120,000 orang**, menandakan potensi besar untuk **peluasan jaringan strategik** fakulti. Sebagai langkah pengiktirafan, program **Alumni Ambassador** diperkenalkan, melibatkan 46 alumni berprofil tinggi sebagai

panel jemputan, penceramah, mentor dan fasilitator aktiviti kesukarelawanan. Alumni ambassador dijemput sebagai penceramah dalam program pengajaran kolaboratif secara probono, menunjukkan komitmen terhadap pendidikan dan penyebaran ilmu secara sukarela (FPN_5.3c_Aktiviti Alumni). Inisiatif ini membantu melahirkan **alumni yang berdaya** dan menyemai **semangat kesukarelawan** serta **nilai lestari** dalam komuniti FPN.

Pencapaian alumni diketengahkan melalui media sosial sebagai inspirasi kepada warga dan masyarakat umum, seterusnya meningkatkan **ketampakan alumni**, serta **memperkuh jenama FPN** sebagai institusi yang melahirkan **graduan berimpak tinggi dan berjiwa komuniti**.

Kolaborasi (MoU / Moa)

FPN menyebarkan pelaksanaan JAK melalui projek **Dynamic Linkages** yang memfokuskan **kerjasama** dengan industri, syarikat antarabangsa, universiti tempatan serta luar negara. Tujuannya adalah untuk meningkatkan kepakaran pensyarah dan ketampakan FPN di peringkat nasional dan antarabangsa (FPN_5.3d_Senarai kolaborasi).

Kerjasama melalui MoU/MoA memberi peluang kepada pensyarah untuk terlibat dalam penyelidikan bersama serta memperkuh pengajaran dan pembelajaran. Hasilnya, pensyarah dijemput untuk berkongsi ilmu dengan masyarakat, menandakan pengiktirafan terhadap kepakaran mereka (FPN_5.3e_Poster Pensyarah). Inisiatif ini mengukuhkan **rangkaian professional FPN** dan **meletak fakulti sebagai pusat rujukan** dalam bidang tertentu.

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_S01_SB03_20251_FPN_5.3a_Sampel Perkongsi Maklumat.pdf](#)
2. [F0014_S01_SB03_20252_FPN_5.3b_Senarai Ahli Kluster Bakat.pdf](#)
3. [F0014_S01_SB03_20253_FPN_5.3c_Aktiviti Alumni.pdf](#)
4. [F0014_S01_SB03_20254_FPN_5.3d_Senarai kolaborasi.pdf](#)
5. [F0014_S01_SB03_20255_FPN_5.3e_Poster Pensyarah.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan Aktiviti Projek Komuniti, Alumni & Kesukarelawan

Pengurusan FPN mengambil langkah proaktif dengan memantau pelaksanaan projek dan inisiatif Fakulti di bawah 3 projek iaitu Dynamic Linkages, Impactful USR/KTP Program dan Factrepreneurial. Susulan dari pelaksanaan projek dan inisiatif yang dirancang, pejabat PJI memantau perkembangan dan status keberkesanaan projek melalui medium, seperti email, dan whatsapp kepada pensyarah yang terlibat. Hasil pemantauan dilaporkan melalui Mesyuarat Pengurusan Eksekutif dan Mesyuarat Akademik. Pencapaian program jaringan hasil kolaborasi antara fakulti dan industri, komuniti dan alumni serta program kesukarelawan turut dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Jaringan Negeri (FPN_5.4.1a_Minit Mesyuarat Jawatankuasa Jaringan Negeri Bil 2/2024).

Pengurusan FPN turut memantau aktiviti dan program bersama jaringan industri secara terus melalui Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP), di mana pengurusan FPN memastikan Objektif Kualiti 11 (mengendalikan 30 aktiviti jaringan masyarakat dalam tempoh 1 tahun) tercapai (FPN_5.4.1b_Minit Mesyuarat MKSP Bil 1/2024).

Selain itu, FPN memanfaatkan sistem Portal for Research and Innovation Management (PRIME) bagi memantau status dan perkembangan semasa projek komuniti yang telah didaftarkan di PRIME. Manakala pemantauan ke atas Talent Clusters pula, dinilai melalui penghantaran Excel Performance dan pembentangan prestasi bagi Talent Cluster untuk setiap tahun merangkumi pencapaian melibatkan program komuniti dan jaringan industri (FPN_5.4.1c_Email Jemputan Pembentangan Prestasi Talent Cluster 2024).

Sistem Maklumat Analisa & Repositori 'SMART' telah digunakan bagi melaporkan program jaringan industri serta program melibatkan alumni yang telah selesai. Antara program bersama alumni yang telah dilaporkan ialah sesi perkongsian kepakaran serta program berimpak tinggi antara UiTM dan alumni (FPN_5.4.1d_Pelaporan Program Alumni di SMART).

Proses aduan dan maklumbalas warga kerja terhadap pengurusan FPN

Pengurusan Fakulti Perakaunan menitikberatkan kepuasan hati warga kerja FPN terhadap proses kerja di Fakulti. Secara umumnya, kepuasan hati staf dipantau melalui UiTM Happiness Index 5.0, di mana secara puratanya, indeks keseluruhan kegembiraan staf pada tahun 2024 adalah 73%. Tahap kepuasan hati sumber manusia diperolehi secara talian melalui *google form* yang dihebahkan menerusi e-mail. Berdasarkan Laporan Aduan dan Maklumbalas Pelanggan Fakulti Perakaunan, staf FPN berpuas hati dengan layanan, kecekapan dan proses kerja staf pentadbiran di FPN (FPN_5.4.1e_Laporan Aduan dan Maklumbalas Pelanggan).

SENARAI BUKTI:

1. [F0014_S01_SB04_SC01_20251_FPN_5.4.1a_Minit Mesyuarat Jawatankuasa Jaringan Negeri Bil 2 2024.pdf](#)
2. [F0014_S01_SB04_SC01_20252_FPN_5.4.1b_Minit Mesyuarat MKSP Bil 1 2024.pdf](#)

3. [F0014_S01_SB04_SC01_20254_FPN_5.4.1c_Eman-Compassion-Persekitaran-Usaha-Talent Cluster 2024.pdf](#)
4. [F0014_S01_SB04_SC01_20254_FPN_5.4.1d_Pelaporan Program Alumni di SMART.pdf](#)
5. [F0014_S01_SB04_SC01_20255_FPN_5.4.1e_Laporan Aduan dan Maklumbalas Pelanggan.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pada tahun 2024, Mesyuarat Pengurusan Risiko telah diadakan sebanyak 3 kali bagi menyemak keberkesanan kawalan yang sedia ada serta memantau perancangan tindakan pencegahan bagi mengurangkan risiko (FPN_5.4.2a_Minit Mesyuarat Risiko Bil 2 2024). Risiko melibatkan sumber manusia berkait rapat dengan kekangan masa staf FPN bagi menjalankan projek komuniti dan jaringan industri. Selain itu, FPN kekurangan pensyarah pelapis untuk dioptimumkan potensi bakat /kepakaran di dalam program yang melibatkan jaringan strategik bersama industri dan komuniti. Justeru, bagi mengatasi isu ini, pengurusan FPN telah menggerakkan program jaringan industri dan komuniti melalui FACT Talent Cluster bagi menggalakkan penglibatan menyeluruh staf FPN.

Selain itu, risiko lain yang telah dikenalpasti adalah ketua projek tidak memahami proses pelaporan projek komuniti. Oleh itu, pengurusan FPN telah menganjurkan Bengkel Pelaporan Projek Komuniti Fakulti Perakaunan 2024 bagi membantu ketua projek komuniti yang terlibat membuat laporan di sistem PRIME serta memastikan FPN dapat mencapai PI melibatkan projek komuniti (PI 075, PI 077, PI078 dan PI079) dan Penarafan (MyRA, SETARA, THE Impact Ranking) (FPN_5.4.2b_Email Jemputan Bengkel Pelaporan Projek Komuniti Fakulti Perakaunan 2024). FPN turut menwar-warkan kepada warga FPN berkenaan pelaporan projek komuniti dan program melibatkan jaringan industri melalui whatsapp rasmi FPN serta pemakluman ketika mesyuarat akademik (FPN_5.4.2c_Poster Pelaporan Program).

FPN turut mengenalpasti dua risiko utama berkaitan sumber manusia di bawah risiko R009: *Unimpackful partnership and alliances* bagi dua projek berkaitan sebelas PI PPP seperti berikut:

Kekangan Komitmen Daripada Alumni Dalam Penglibatan Program Fakulti

Cabaran utama yang dihadapi oleh FPN adalah menggalakkan penglibatan alumni dalam program anjuran FPN. Justeru, bagi mengatasi isu ini, FPN telah melantik 22 orang Alumni Ambassadors pada tahun 2022 dan 24 orang Alumni Ambassadors (AA) pada tahun 2024 yang berperanan sebagai jambatan penghubung dalam usaha memupuk hubungan profesional dan jaringan industri (FPN_5.4.2d_Contoh Sijil Lantikan Alumni Ambassadors Fakulti Perakaunan). Usaha ini selari dengan aspirasi UiTM untuk terus memperkukuh jaringan di antara universiti dan alumni. Alumni berpengaruh telah dilantik untuk menerajui peranan ini, dan sejak itu, mereka memainkan peranan aktif dalam pelbagai aktiviti fakulti, termasuk seminar, bengkel, dan program mentor-mentee. Selain itu, FPN sentiasa menggalakkan penglibatan alumni dalam program jaringan industri dan program-program di Fakulti.

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_S01_SB04_SC02_20251_FPN_5.4.2a_Minit Mesyuarat Risiko Bil 2 2024.pdf](#)
2. [F0014_S01_SB04_SC02_20252_FPN_5.4.2b_Email Jemputan Bengkel Pelaporan Projek Komuniti Fakulti Perakaunan 2024.pdf](#)
3. [F0014_S01_SB04_SC02_20253_FPN_5.4.2c_Poster Pelaporan Program.pdf](#)
4. [F0014_S01_SB04_SC02_20254_FPN_5.4.2d_Contoh Sijil Lantikan Alumni Ambassadors Fakulti Perakaunan.pdf](#)

5.4.3 MENGENALPASTI & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Tindakan FPN untuk penambahbaikan adalah melalui instrumen pengukuran yang dilaporkan dalam mesyuarat berkala bagi tujuan kaji semula. Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) membentangkan analisa serta laporan pengurusan aduan serta log tindakan susulan (FPN_5.4.3a_Laporan Log Tindakan Susulan MKSP 1_2024). Risiko-risiko yang dikenalpasti dalam Log Tindakan Susulan MKSP dipantau melalui pencapaian Objektif Kualiti 11(mengendalikan 20 aktiviti jaringan masyarakat dalam tempoh 1 tahun). Seterusnya, tindakan susulan dirancang dan diambil bagi memastikan pelaksanaan dan pelaporan projek komuniti berjalan seperti yang dirancang.

Pemeriksaan Prosedur Pengurusan Jaringan Industri dan Masyarakat [PK.UiTM.FPN.(O).15]

Pengurusan FPN menyedari bahawa terdapat kekangan masa pensyarah FPN serta tiada 'engagement' berterusan dan strategik daripada alumni dalam penganjuran aktiviti di FPN. Justeru, bagi mengatasi isu ini, Prosedur Pengurusan Jaringan Industri dan Masyarakat [PK.UiTM.FPN.(O).15] telah ditambahbaik melalui dua proses tambahan sebelum dan selepas permohonan menjalankan aktiviti (FPN_5.4.3b_Perbezaan Utama Carta Alir Proses Lama dan Baru). Keberkesanan prosedur ini terbukti membantu pengurusan jaringan industri dan masyarakat apabila diiktiraf melalui penganugerahan Tempat Ketiga Kecemerlangan Operasi UiTM 2023 'Pemeriksaan Jaringan Alumni (FPN_5.4.3c_Sijil Anugerah Operational Excellence). Selain membantu meningkatkan prestasi dalam pencapaian SDGs 4 (Quality Education) dan SDGs 17 (Partnership for the Goals), prosedur pengurusan ini membantu menjimatkan masa pensyarah FPN untuk mencari dan mengenalpasti alumni yang sesuai untuk sesuatu program. Khususnya, penglibatan Alumni Ambassadors membantu menjimatkan masa, kos dan sumber manusia FPN selain membantu mempercepatkan tadbir urus program (FPN_5.4.3d_Borang Maklumat Sumbangan Alumni Fakulti Perakaunan 2024).

Sistem Kerja dan Persekitaran Kondusif

Pengurusan FPN sentiasa memastikan persekitaran kerja dan sistem kerja yang kondusif untuk warga FPN. Penetapan masa dan tempat program ditetapkan dengan mengambil kira kesesuaian staf agar penglibatan yang maksima diperolehi dari staf. Contohnya, FPN menasarkannya dua projek komuniti utama iaitu, USR bersama sekolah yang melibatkan 4 Talent Cluster serta USR bersama Rumah Kasih Harmoni, yang melibatkan 2 Talent Cluster (FPN_5.4.3e_SAP ICAN 2024). Penganjuran program secara bersasar mengikut Talent Cluster memastikan staf FPN dapat menjalankan projek dengan lebih berfokus serta secara tidak langsung memastikan kelestarian projek komuniti bersama komuniti terpilih. Alumni FPN, terutamanya Alumni Ambassadors turut memainkan peranan dengan turut terlibat dalam projek komuniti ini.

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_S01_SB04_SC03_20251_FPN_5.4.3a_Laporan Log Tindakan Susulan MKSP 1_2024.pdf](#)
2. [F0014_S01_SB04_SC03_20252_FPN_5.4.3b_Perbezaan Utama Carta Alir Proses Lama dan Baru.pdf](#)
3. [F0014_S01_SB04_SC03_20253_FPN_5.4.3c_Sijil Anugerah Operational Excellence.pdf](#)
4. [F0014_S01_SB04_SC03_20254_FPN_5.4.3d_Borang Maklumat Sumbangan Alumni Fakulti Perakaunan 2024.pdf](#)
5. [F0014_S01_SB04_SC03_20255_FPN_5.4.3e_SAP ICAN 2024.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Fakulti **komited** melaksanakan inisiatif USR dan KTP sepanjang 2024, melibatkan pelajar sekolah, anak yatim, komuniti orang asli dan usahawan ASNAF. Sebagai usaha membudayakan dan keterlibatan warga fakulti demi merealisasikan matlamat JAK, pelbagai pendekatan strategik diperkenalkan untuk menggalakkan mereka menyertai program USR dan KTP serta jaringan Alumni, seperti berikut:

Pemusatan PI di Bawah Kluster

Pelaksanaan PI JAK diselaraskan di bawah Kluster Bakat. Contohnya, program USR bersama PPD Kuala Selangor 2024 telah dipertanggungjawabkan kepada empat kluster. Kaedah ini memudahkan pemantauan, memperkemas pelaksanaan, dan meningkatkan impak program secara langsung.

Komunikasi Dalaman yang Berkesan

Fakulti memperkukuh komunikasi dalaman dengan menyampaikan pencapaian dan kemajuan program melalui mesyuarat akademik serta platform media sosial. Kaedah ini menyemai rasa tanggungjawab dan **kebersamaan** dalam kalangan pensyarah, di samping mengukuhkan semangat berpasukan dan kesedaran terhadap peranan fakulti dalam pembangunan komuniti. [FPN_5.5a. Pembentangan Pencapaian PI]

Pengiktirafan dan Penghargaan Warga Fakulti

Warga fakulti dimaklumkan tentang pencapaian dan pengiktirafan yang diterima di peringkat fakulti dan UiTM melalui pelaksanaan program USR dan KTP. Makluman ini disebarkan secara meluas melalui media massa dengan nama individu yang terlibat. Pendekatan ini dapat **mengiktiraf sumbangan** mereka secara terbuka serta memupuk semangat dan motivasi untuk terus menyumbang secara aktif. [FPN_5.5b. Pengiktirafan dan Anugerah Projek Terbaik]

Anugerah Projek Terbaik

Bagi menyemarakkan penglibatan pensyarah, Fakulti menganjurkan Anugerah Kumpulan Projek Terbaik yang diumumkan dalam majlis tahunan. Inisiatif ini berfungsi sebagai pemangkin untuk menggalakkan penglibatan aktif dan inovatif dikalangan staf akademik. [FPN_5.5b. Pengiktirafan dan Anugerah Projek Terbaik]

Libat Urus Pensyarah dan Perkongsian Amalan Terbaik

Fakulti juga menyediakan platform kepada pensyarah untuk berkongsi pengalaman serta pencapaian kepada pihak luar. Contohnya, pensyarah yang terlibat dalam program USR dan KTP diberi ruang **berkongsi pengalaman** dengan institusi luar. Ini bukan sahaja mengiktiraf kepakaran tetapi juga menyebarkan amalan terbaik fakulti ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa. [FPN_5.5c Perkongsian Kejayaan Sistem i-ASNAF Act Dengan pihak Luar]

Bengkel Pelaporan dan Pemantapan Data

Fakulti telah menganjurkan Bengkel Pelaporan Projek Komuniti yang melibatkan semua ketua projek sebagai inisiatif **memperkukuh amalan pelaporan dan dokumentasi program**.

Bengkel ini berkongsi keperluan menyediakan laporan yang sistematik dan mampu menjaga penarafan tertinggi (star rating) berdasarkan kriteria sistem PRIME UiTM. Ia juga memastikan semua projek berimpak tinggi didaftarkan dengan tepat, sekaligus meningkatkan ketelusan dan kecekapan pelaporan. [FPN_5.5d. Bengkel Pelaporan Projek Komuniti FACT 2024]

Inovasi Melalui USR dan KTP di Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa

Selain memperkasakan aktiviti USR di peringkat kebangsaan (Contohnya; Taklimat Hala Tuju Lulusan SPM), fakulti juga telah mengadakan Global USR dan KTP yang membuka peluang kepada pensyarah untuk berkongsi kepakaran secara rentas sempadan, sebagai **satu inovasi strategik**. Antara projek perintis ialah **bengkel keusahawanan bersama komuniti Indonesia**, yang bukan sahaja memperkukuh peranan fakulti di peringkat antarabangsa, tetapi turut memberi pelbagai manfaat kepada pensyarah yang terlibat. Penglibatan dalam program ini meningkatkan keyakinan diri dalam komunikasi rentas budaya, memperluas jaringan profesional antarabangsa, serta membina kredibiliti akademik pensyarah di mata dunia. [FPN_5.5e Community Service and Cultural Exchange]

Keseluruhannya, integrasi berstruktur, pengiktirafan berterusan dan inisiatif global membuktikan bahawa Fakulti sentiasa berusaha untuk **membudayakan keterlibatan staf** akademik dalam aktiviti USR dan KTP sebagai sebahagian daripada identiti fakulti yang dinamik dan bertanggungjawab.

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_S01_SB05_20251_FPN_5.5a Pembentangan Pencapaian PI BTU \(ICAN\).pdf](#)
2. [F0014_S01_SB05_20252_FPN_5.5b Pengiktirafan dan Anugerah Projek Terbaik.pdf](#)
3. [F0014_S01_SB05_20253_FPN_5.5c Perkongsian Kejayaan Sistem i-ASNAF Act Dengan pihak Luar.pdf](#)
4. [F0014_S01_SB05_20254_FPN_5.5d Bengkel Pelaporan Projek Komuniti FACT 2024.pdf](#)
5. [F0014_S01_SB05_20255_FPN_5.5e National and International Community Service and Cultural Exchange.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

FPN telah melaksanakan pendekatan strategik yang menyeluruh dan sistematik dalam bidang tumpuan **JAK** berlandaskan tema **Alumni Berdaya, Komuniti Progresif, Nilai Lestari**. Tema ini menggambarkan kekuatan alumni yang aktif, komuniti yang terbela dan kesan nilai yang mampan yang merangkumi komitmen terhadap pembangunan insan, kesejahteraan komuniti dan pemantapan nilai secara mampan. Strategi ini dilaksanakan melalui tiga projek utama: **Dynamic Linkages, Impactful USR/KTP dan FACTrepreneurial** yang berfungsi sebagai pemacu kepada Pelan Strategik UiTM 2021–2025 dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Ketiga-tiga projek ini memperkukuh ekosistem akademik dengan membina hubungan erat antara fakulti, industri, komuniti dan alumni, di samping meletakkan **kesukarelawan sebagai teras pelaksanaan** melalui penglibatan aktif pelajar, pensyarah dan alumni dalam membimbing serta menyantuni komuniti. Pendekatan ini memastikan keberhasilan akademik bukan sahaja menyumbang kepada pembangunan ilmu, tetapi juga memberikan impak sosial, ekonomi dan nilai lestari yang berterusan.

Keberkesanan pelaksanaan JAK diperkukuh oleh **kecekapan tadbir urus fakulti**, dengan menekankan ketangkasan dalam membuat keputusan, kejelasan dalam perancangan serta keberkesanan dalam pelaksanaan. Enam proses utama menjadi tonggak tumpuan operasi iaitu: **perancangan strategik, pengurusan kolaborasi, pelaksanaan program, pemantauan, dokumentasi impak, dan penambahbaikan berterusan**. Proses-proses ini disepadukan melalui model **Plan-Do-Check-Act (PDCA)** yang memastikan semua inisiatif dijalankan secara sistematik, telus dan responsif terhadap maklumbalas pelanggan.

Di peringkat **perancangan (Plan)**, fakulti menyusun sasaran tahunan berpandukan dokumen SAP dan objektif kualiti seperti OK9, OK11 dan OK12. Operasi **pelaksanaan (Do)** diselaraskan oleh Unit ICAN sebagai pusat sehenti, dengan penglibatan aktif alumni, pensyarah dan pelajar. Program utama seperti 3U1i, SULAM, i-Asnaf ACT dan BizStart2.0 berjaya menggabungkan elemen akademik, kesukarelawan dan pembangunan komuniti. Kejayaan pelaksanaan ini didorong oleh kerjasama erat pensyarah dan staf pentadbiran yang berperanan sebagai fasilitator utama.

Aspek **pemantauan (Check)** pula dilaksanakan melalui **dashboard ICAN, PRIME Star Rating, laporan SAP** serta sesi post-mortem dan soal selidik peserta. Data yang diperolehi membolehkan fakulti menilai tahap penglibatan, kepuasan hati pelanggan serta impak sosial secara berkala. Proses ini diikuti dengan **tindakan penambahbaikan (Act)**, termasuk pelantikan penyelarasa alumni, pembangunan modul refleksi pelajar, integrasi outcome ke dalam sistem SAP, serta pepadanan alumni-ambassador bagi memastikan keberkesanan dan kelestarian setiap program.

Dari sudut **pengurusan risiko**, FPN mengenal pasti cabaran seperti kekurangan penyertaan alumni, kekangan dana dan kelemahan pelaporan impak. Isu ini ditangani melalui pelantikan penyelarasa, komunikasi strategik serta pepadanan alumni-ambassador.

Penambahbaikan berterusan turut dilaksanakan dengan mengintegrasikan outcome ke dalam sistem SAP dan memperkenalkan modul refleksi pelajar bagi menyokong CQI. Hasilnya, FPN berjaya mencapai 100% pelaksanaan projek Dynamic Linkages dan Impactful USR/KTP, manakala FACTrepreneurial mencatat 91.7%, disamping skor 83% (5 bintang) dalam i-SKOR UiTM. Inovasi digital seperti Social Impact Tracker, MyAlumni Virtual Card dan modul refleksi hibrid memperkukuh pemantauan serta penyampaian impak sosial.

Tambahan pula, hasil jaringan alumni dan rakan industri meningkatkan pendapatan Kumpulan Wang Amanah kepada RM6.8 juta, jauh melebihi sasaran asal RM400 ribu. Kejayaan ini turut diiktiraf melalui pencalonan METIC dan penarafan MyRA, mengukuhkan peranan FPN sebagai fakulti peneraju jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan ke arah *Globally Respected*

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

FPN telah merangka pendekatan yang berstruktur dan berimpak dalam melaksanakan bidang tumpuan JAK melalui tiga projek utama: **Dynamic Linkages**, **Impactful USR/KTP**, dan **FACTrepreneurial**.

Unit khas ICAN di FPN berstruktur di bawah Timbalan Dekan Penyelidikan dan Jaringan Industri dan diuruskan oleh Koordinator ICAN 2024 yang merupakan pusat sehenti pelaksanaan JAK, perancangan USR dan aktiviti kolaboratif (BUKTI 1). Pelaksanaan projek-projek ini digerakkan melalui **enam proses utama** yang berfungsi merentas semua program dan inisiatif JAK, bagi memastikan pelaksanaan adalah **ekonomi, efisien dan efektif (3E)**.

Proses pertama ialah **perancangan strategik tahunan**, di mana Fakulti menyusun pelan pelaksanaan setiap projek utama berdasarkan sasaran tahunan yang ditetapkan dalam SAP dan objektif kualiti seperti OK9, OK11 dan OK12. Setiap projek mempunyai fokus tersendiri: **Dynamic Linkages** menekankan pelantikan Alumni Ambassador dan peluasan rangkaian industri melalui aktiviti kesukarelawan bersama alumni; **Impactful USR/KTP** memfokus kepada penglibatan komuniti marginal, sekolah dan rumah kebajikan dengan pelajar serta pensyarah sebagai sukarelawan akademik; manakala **FACTrepreneurial** menumpu kepada pembangunan keusahawanan sosial dan literasi kewangan yang digerakkan melalui kesukarelawan pelajar, alumni dan komuniti.

Proses kedua ialah **pengurusan kolaborasi dan jaringan**, melibatkan perancangan dan pelaksanaan kerjasama strategik dengan alumni, industri, badan profesional dan agensi kerajaan. Contohnya, **Dynamic Linkages** menasaskan 500 MoU/MoA sepanjang 2024 dengan bajet RM3,400 (PI072) (BUKTI 2). Pendekatan ini memperkukuh rangkaian strategik fakulti serta membuka peluang pelajar mendapat pendedahan dunia sebenar melalui Alumni Homecoming, mentoring alumni, program 3U1i dan penglibatan industri dalam keusahawanan (BUKTI 3).

Proses ketiga ialah **pelaksanaan program**, yang merangkumi pengoperasian aktiviti utama bagi setiap projek seperti Program SULAM bersama PKS, Projek i-Asnaf di 11 negeri, BizStart 2.0, Program Literasi Kewangan, Inisiatif Hijau seperti hidroponik, kitar-semula (kertas lama dan minyak terpakai) dan pembuatan sabun (BUKTI 4). Setiap program melibatkan peranan aktif pensyarah, pelajar dan alumni, serta disokong oleh Unit ICAN sebagai pusat koordinasi. Pelbagai aktiviti yang telah direalisasikan adalah program USR, program KTP dan program perkhidmatan pakar alumni (BUKTI 5). Pelaksanaan ini turut mengintegrasikan elemen pembelajaran berasaskan komuniti dan nilai sosial.

Proses keempat ialah **pemantauan dan penilaian**. Fakulti menggunakan Dashboard ICAN sebagai alat pemantauan berpusat untuk menjejak penyertaan, capaian dan impak program. Laporan disediakan secara suku tahunan dan dibentangkan dalam MPE serta MKSP. Penilaian juga dilengkapkan dengan post-mortem program dan soal selidik kepuasan pelanggan.

Proses kelima ialah **pengurusan dokumentasi dan impak**, di mana semua data dan dapatan program dikumpul, didokumentasikan dan dianalisis untuk menunjukkan keberkesanan dan justifikasi sumber. Dokumentasi ini melibatkan laporan impak sosial, testimoni penerima manfaat dan output visual untuk pengesanan nilai bersama (shared value).

Akhir sekali, proses keenam ialah **penambahbaikan berterusan**. Dapatan pemantauan dan maklum balas digunakan untuk menambah baik SOP, menyesuaikan pendekatan pelaksanaan dan menetapkan hala tuju baharu yang lebih berkesan. Ini termasuk pengukuhan Green Initiatives, penyesuaian pendekatan digital dan penyusunan semula model kolaborasi bagi memperluas capaian impak.

Melalui enam proses utama ini, Fakulti Perakaunan berjaya melaksanakan tiga projek strategik JAK secara sistematik dan lestari, dengan impak yang nyata kepada pelajar, komuniti, alumni

SENARAI BUKTI:

1. [F0014_O01_OB02_20251_Bukti-1-FPN_Operasi 6.2.pdf](#)
2. [F0014_O01_OB02_20252_Bukti-2-FPN_Operasi 6.2.pdf](#)
3. [F0014_O01_OB02_20253_Bukti-3-FPN_Operasi 6.2.pdf](#)
4. [F0014_O01_OB02_20254_Bukti-4-FPN_Operasi 6.2.pdf](#)
5. [F0014_O01_OB02_20255_Bukti-5-FPN_Operasi 6.2.pdf](#)
6. [F0014_O01_OB02_20251_Bukti-1-FPN_Operasi 6.2.pdf](#)
7. [F0014_O01_OB02_20252_Bukti-2-FPN_Operasi 6.2.pdf](#)
8. [F0014_O01_OB02_20253_Bukti-3-FPN_Operasi 6.2.pdf](#)
9. [F0014_O01_OB02_20254_Bukti-4-FPN_Operasi 6.2.pdf](#)
10. [F0014_O01_OB02_20255_Bukti-5-FPN_Operasi 6.2.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pelaksanaan bidang tumpuan **JAK** oleh FPN digerakkan melalui pendekatan sistematik berdasarkan model **Plan-Do-Check-Action (PDCA)**. Model ini memastikan pelaksanaan strategik fakulti berjalan secara tersusun, boleh diukur, dan sentiasa ditambah baik, selaras dengan **aspirasi UiTM2025**, Pelan Strategik FPN 2020–2025, menyokong pencapaian **SDG 1, 2, 4, 8 dan 17** serta mengangkat nilai dan semangat tema **Alumni Berdaya, Komuniti Progresif, Nilai Lestari**.

Plan

Perancangan dimulakan dengan penetapan sasaran dan objektif tahunan melalui dokumen SAP, berdasarkan i-SKOR UiTM dan objektif kualiti fakulti seperti **OK9 (geran penyelidikan), OK11 (aktiviti jaringan) dan OK12 (kebolehpasaran graduan)**. Tiga projek utama dibentuk untuk memacu agenda JAK secara terarah:

- **Dynamic Linkages** membentuk barisan **alumni yang berdaya saing, responsif dan menyumbang semula kepada masyarakat**.
- **Impactful USR/KTP** menjurus penyantunan komuniti melalui pelbagai program dan menyokong pembangunan **komuniti progresif yang inklusif dan terbuka kepada transformasi melalui kolaborasi**.
- **FACTrepreneurial** membangunkan kapasiti keusahawanan dan literasi kewangan dalam kalangan pelajar dan komuniti demi melahirkan masyarakat yang berdaya tahan ekonomi dan menyemai **nilai lestari yang menyokong keseimbangan sosial dan ekonomi**.

Do

Unit ICAN memainkan peranan sebagai pusat sehenti **pelaksanaan**. Antara inisiatif utama yang telah dijayakan termasuk:

- **Dynamic Linkages:** Pelantikan 24 Alumni Ambassador, program Alumni Homecoming, serta pelaksanaan 3U1I bersama tujuh firma perakaunan utama mengeratkan lagi hubungan dengan alumni melalui mentoring, kerjasama akademik dan mobiliti pelajar (BUKTI 1).
- **Impactful USR/KTP:** Aktiviti pendidikan bersama pelajar sekolah dan rumah anak yatim, pelaksanaan Projek i-Asnaf di 11 negeri, festival kelestarian seperti Waste to Wealth, pembuatan sabun dan Wakaf hidroponik. Ia juga melibatkan Program SULAM bersama PKS. Empat buah sekolah sekitar Selangor terlibat dalam aktiviti Pengajaran Prinsip Perakaunan SPM serta Career Day & Motivational Talk. Inisiatif Hijau dilaksanakan melalui Waste to Wealth Festival 2024, Kempen Kitar Semula, Bengkel Pembuatan Sabun, Projek 'Adopt-a-Plant' dan Wakaf Hidroponik. Hasil aktiviti ini digunakan untuk membiayai projek hidroponik fakulti, memberi impak kepada SDG 2, SDG 8 dan SDG 12 (BUKTI 2). Projek i-Asnaf ACT (blended learning) dengan kerjasama Maybank Islamic telah memberi impak signifikan kepada usahawan asnaf. Seramai 420 peserta terlibat, dengan pemantauan oleh tenaga pengajar dan 44 pelajar B40. FPN juga melaksanakan Program USR bersama Rumah Kasih Harmoni (RKH) dengan sokongan Yayasan Bank Rakyat, memfokuskan penguasaan asas 3M dan pembentukan jati diri anak-anak yatim dan asnaf (BUKTI 3).
- **FACTrepreneurial:** Penglibatan 300 pelajar dalam BizStart 2.0 dengan kerjasama SSM, SME Corp dan PERNAS telah menjalankan pendaftaran perniagaan percuma melalui GoCommerce serta peningkatan literasi kewangan komuniti melalui kerjasama dengan Kementerian Ekonomi. Program ini telah mencatat peningkatan 60% dalam kadar peserta mampu menyediakan pelan bajet sendiri (BUKTI 4).

semak

Pemantauan dilaksanakan secara berstruktur melalui:

- **Dashboard ICAN** – menjejak data kehadiran alumni, pelajar dan impak komuniti.
- **Laporan SAP** – dikemukakan dalam Mesyuarat Pemantauan Eksekutif (MPE) dan MKSP.
- **Post-mortem program** – dilaksanakan bersama pelaksana program untuk mengenal pasti cabaran, kejayaan serta ruang penambahbaikan (BUKTI 5).

Action

Dapatan pemantauan dan maklum balas digunakan untuk:

- **menambah baik SOP** pelaksanaan program- khususnya dokumentasi dan proses kelulusan
- menyesuaikan pendekatan program berdasarkan **impak sebenar komuniti**
- memperkukuh dokumentasi impak sosial dan memperluas skop **Green Initiatives** untuk lebih lestari

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_O01_OB03_20251_Bukti-1-FPN_Operasi 6.3.pdf](#)
2. [F0014_O01_OB03_20252_Bukti-2-FPN_Operasi 6.3.pdf](#)
3. [F0014_O01_OB03_20253_Bukti-3-FPN_Operasi 6.3.pdf](#)
4. [F0014_O01_OB03_20254_Bukti-4-FPN_Operasi 6.3.pdf](#)
5. [F0014_O01_OB03_20255_Bukti-5-FPN_Operasi 6.3.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Fakulti Perakaunan UiTM (FPN) telah melaksanakan pemantauan berstruktur dan berterusan terhadap pelaksanaan inisiatif **Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan (JAK)**. Pemantauan ini sejajar dengan **aspirasi UiTM2025**, Manual Libatsama Komuniti UiTM, SAP 2024 serta prinsip **tadbir urus Malaysia MADANI**. Pendekatan ini menyokong kesinambungan tema fakulti: **Alumni Berdaya, Komuniti Progresif, Nilai Lestari**.

Melalui dashboard **PRIME Star Rating**, pemantauan diselaraskan dengan sistem pelaporan SAP, penilaian impak sosial dan pendaftaran rasmi projek berimpak tinggi (BUKTI 1). Objektif pemantauan adalah untuk mengukur keberkesanan penyertaan alumni sebagai mentor dan penyumbang industri (**Alumni Berdaya**), penyertaan komuniti dalam program pembangunan (**Komuniti Progresif**), serta keberterusan nilai sosial dan alam sekitar yang seimbang (**Nilai Lestari**). Aktiviti kesukarelawan seperti FACT Accounting Leadership Camp, Wakaf Corner dan 1Gadget1Student menjadi teras intervensi sosial fakulti yang menyasarkan komuniti luar UiTM. Kesemua projek ini memenuhi kriteria KaSEH UiTM dan menyumbang terus kepada penarafan MyRA dan SETARA (BUKTI 1).

Program seperti SULAM, Wakaf Corner, dan 1Gadget1Student dipantau melalui **survey kepuasan**, maklum balas komuniti, serta **refleksi pelajar**. Analisis hasil dilaksanakan oleh panel penilai PRIME (BUKTI 2) dan dibentangkan dalam MPE dan MKSP. Pelaksanaan **Happiness Index** mengukur kesejahteraan pelajar dan staf, menyokong modul pembangunan ESI, IDART dan kepimpinan (BUKTI 3). Penandaarasan dalaman antara tahun serta pelaporan suku tahunan dalam mesyuarat MPE dan MKSP memastikan penambahbaikan berterusan berasaskan data (BUKTI 3). Pelaporan impak ke PRIME dan ICAN dilakukan secara kuartalan disertai post-mortem dengan pelaksana sebagai mekanisme penambahbaikan kualiti berterusan (BUKTI 4).

Pada tahun 2024, FPN mencatat kejayaan melalui pelaksanaan **14 program USR, 1 KTP, 1 SULAM antarabangsa dan 1 kesukarelawan antarabangsa**. Seramai **3,221 alumni** mendaftar dalam MyAlumni Virtual Card, menunjukkan sokongan aktif terhadap fakulti. Kesemua inisiatif ini diselaraskan dengan **SDG 1, 4, 8 dan 17**, serta menyumbang kepada penarafan **MyRA** dan **SETARA** (BUKTI 5). Selain itu, 1 program kesukarelawan antarabangsa telah dijalankan dengan sokongan dana tempatan dan antarabangsa. Dalam usaha menjaga kesejahteraan warga fakulti, 4 aktiviti berkaitan Indeks Kebahagiaan telah dilaksanakan. Pencapaian ini membuktikan komitmen fakulti dalam memperkukuh hubungan dengan komuniti dan alumni secara berterusan.

SENARAI BUKTI:

1. [F0014_O01_OB04_OC01_20251_BUKTI-1-FPN_Pembelajaran 6.4.1 Perlaporan Libatsama Komuniti di dalam Sistem Prime.pdf](#)
2. [F0014_O01_OB04_OC01_20252_BUKTI-2-FPN_Pembelajaran 6.4.1 Manual Prime Star Rating..pdf](#)
3. [F0014_O01_OB04_OC01_20253_BUKTI-3-FPN_Pembelajaran 6.4.1 Rajah Tangkapan Mesyuarat MKSP 2024.pdf](#)
4. [F0014_O01_OB04_OC01_20254_Bukti-4_FPN_Pembelajaran 6.4.1 Prosedur Pengurusan Jaringan Industri dan Masyarakat.pdf](#)
5. [F0014_O01_OB04_OC01_20255_BUKTI-5_FPN_Pembelajaran 6.4.1 Rajah Tangkapan Pencapaian PI FPN 2024..pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko dalam pelaksanaan JAK dilaksanakan berdasarkan **Pelan Tindakan Kawalan Risiko** dan **Prosedur Pengurusan Jaringan Industri dan Masyarakat** (BUKTI 1) (BUKTI 2). Risiko dinilai secara berkala oleh pemilik risiko di peringkat PTJ dan dibentang dalam Mesyuarat Pengurusan Risiko fakulti (BUKTI 3).

Risiko utama termasuk **kurangnya penglibatan alumni** secara aktif dalam program kesukarelawan, **kekangan dana** bagi program komuniti, **penurunan penyertaan pelajar** dalam inisiatif SULAM dan program jaringan luar dan **kelemahan pelaporan impak**. Punca risiko termasuk kekurangan fasilitator, kekangan masa pensyarah, dan ketidaksegeraan pelaporan dalam sistem PRIME. Cabaran yang dihadapi termasuklah mengekalkan keterlibatan alumni dalam inisiatif fakulti serta penyaluran maklumat yang lewat ke dalam sistem PRIME turut menjejaskan pemantauan berterusan (BUKTI 4).

Sebagai langkah kawalan, FPN mengoptimumkan **platform komunikasi alumni** seperti laman web rasmi, FACT e-newsletter dan Galeri Impak (kolaborasi dan pencapaian). Di bawah SAP 2024, pelantikan **penyelaras alumni**, pepadanan alumni-ambassador serta pelaksanaan program **Happiness Index** membantu memperkukuh keterlibatan (**Alumni Berdaya**) dan sokongan sosial komuniti (**Komuniti Progresif**).

Program seperti MyAlumni Virtual Card dan SULAM antarabangsa diperkenalkan bagi meningkatkan penglibatan holistik dan mengurangkan jurang antara fakulti, pelajar, alumni dan komuniti (BUKTI 5). Program seperti SULAM antarabangsa dan Wakaf Corner pula membentuk kesedaran terhadap **Nilai Lestari** melalui pendekatan lestari dan keusahawanan sosial. Disamping itu, sesi sembang santai bersama alumni berjaya, post-mortem program serta pelaporan dalam sistem PRIME menjadi alat penambahbaikan berterusan bagi mengurus risiko serta menilai hasil program secara menyeluruh. Strategi ini didukung oleh penglibatan langsung alumni dan komuniti serta diselaraskan dengan prinsip **KaSEH UiTM** dan aspirasi **Malaysia MADANI**.

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_O01_OB04_OC02_20251_BUKTI-1-FPN_Pembelajaran 6.4.2 Pelan Tindakan Kawalan Risiko FPN.pdf](#)
2. [F0014_O01_OB04_OC02_20252_BUKTI-2-FPN_Pembelajaran 6.4.2 Prosedur Pengurusan Jaringan Industri dan Masyarakat.pdf](#)
3. [F0014_O01_OB04_OC02_20253_BUKTI-3-FPN_Pembelajaran 6.4.2 Laporan Risiko Jan-Dis 2024..pdf](#)
4. [F0014_O01_OB04_OC02_20254_BUKTI-4-FPN_Pembelajaran 6.4.2 RICAEN Daftar Risiko 2024..pdf](#)
5. [F0014_O01_OB04_OC02_20255_BUKTI-5-FPN_Pembelajaran 6.4.2 Gambar-Gambar Aktiviti Pelajar, Alumni dan Komuniti.pdf](#)

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi memastikan keberkesanan aktiviti JAK, FPN melaksanakan analisis pencapaian dan impak program secara berterusan. Data diperoleh daripada sistem **PRIME**, laporan **SAP ICAN 2024** dan dokumen Prosedur Pengurusan Jaringan Industri dan Masyarakat (BUKTI 1). Penganalisaan ini mengambil kira indikator utama seperti bilangan program SULAM, kesukarelawanan, University Social Responsibility (USR), Happiness Index, dan penglibatan alumni melalui pendaftaran MyAlumni Virtual Card.

Hasil analisis menunjukkan peningkatan penyertaan pelajar dan alumni, namun terdapat isu seperti **dokumentasi impak tidak lengkap, kelewatan pelaporan, dan kurangnya bilangan fasilitator terlatih**. Bagi menangani perkara ini, penambahbaikan termasuk pembangunan **modul refleksi pelajar**, integrasi outcome ke dalam sistem SAP, serta pelantikan penyelarass JAK telah dilaksanakan. Data sehingga akhir 2024 menunjukkan pencapaian memberangsangkan, antaranya 14 program USR, 4 aktiviti berkaitan Indeks Kebahagiaan, 1 program kesukarelawanan antarabangsa, serta 3,221 alumni mendaftar dalam kad maya MyAlumni (BUKTI 2). Perbandingan dengan data terdahulu menunjukkan peningkatan trend penyertaan pelajar, staf dan alumni dalam program komuniti dan jaringan luar, namun masih terdapat kekangan dari segi penyelarasan dokumentasi impak, pengurusan maklumat dalam PRIME serta penglibatan pensyarah sebagai pemudah cara (BUKTI 3).

Antara isu yang dikenalpasti termasuk kesukaran mendapatkan sokongan industri secara konsisten, pelaksanaan program yang tidak tersusun dari segi dokumentasi refleksi pelajar dan maklum balas komuniti, serta kekurangan integrasi hasil program ke dalam sistem pelaporan SAP dan penarafan PRIME (BUKTI 4). Terdapat juga keperluan kepada pelan penggantian dan pembangunan fasilitator komuniti dalam kalangan staf akademik dan alumni muda.

Fakulti turut mencadangkan inisiatif berkala seperti **Alumni Homecoming Mentorship** dan **pengukuhan Wakaf Corner** sebagai pendekatan lestari (BUKTI 5). Program ini menyokong **Alumni Berdaya** melalui pembangunan semula potensi dan kepimpinan alumni, memperkukuh **Komuniti Progresif** melalui intervensi sosial serta menyuburkan **Nilai Lestari** dalam amalan fakulti. Cadangan penambahbaikan yang dilaksanakan termasuk pelantikan alumni ambassador dan penyelarass program jaringan masyarakat di fakulti, pembangunan modul refleksi pelajar dalam aktiviti SULAM, serta pemantapan pelaporan outcome program melalui integrasi dengan SAP dan PRIME.

Tindakan penambahbaikan ini dibincangkan dalam **MKSP** dan **MPE** dan diselarass melalui pelan tindakan **SAP ICAN 2024**, memastikan kitaran penambahbaikan berterusan ke arah impak sosial yang berfokus dan mampan (BUKTI 3).

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_O01_OB04_OC03_20251_BUKTI-1-FPN_Pembelajaran 6.4.3 Prosedur PRIME, SAP, Prosedur JAK, PRIME, SAP..pdf](#)
2. [F0014_O01_OB04_OC03_20252_BUKTI-2-FPN_Pembelajaran 6.4.3 Dokumentasi Pencapaian PI FPN 2024.pdf](#)
3. [F0014_O01_OB04_OC03_20253_Bukti-3-FPN_Pembelajaran 6.4.3 Perbandingan dan Laporan Risiko 2024.pdf](#)
4. [F0014_O01_OB04_OC03_20254_BUKTI-4-FPN_Pembelajaran 6.4.3 Daftar Risiko 2024..pdf](#)
5. [F0014_O01_OB04_OC03_20255_BUKTI-5-FPN_Pembelajaran 6.4.3 Gambar-gambar. Aktiviti Program Berkala.pdf](#)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Ekosistem jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan di Fakulti Perakaunan UiTM (FPN) diperkukuh melalui pelaksanaan **penambahbaikan berterusan** dan **inovasi sistematik** yang mendukung tema Alumni Berdaya, Komuniti Progresif dan Nilai Lestari. FPN menyasarkan pembangunan **alumni yang berpengetahuan, berkemampuan dan responsif**, digerakkan bersama **komuniti inklusif dan adaptif** demi menghasilkan impak sosial yang menyokong **kelestarian sosial, ekonomi dan alam sekitar**, selaras dengan SDG. Melalui MoU/MoA, pelbagai geran industri, antarabangsa, nasional, universiti dan fakulti berjaya digerakkan oleh komuniti inklusif dan adaptif yang terbuka kepada perubahan serta mengutamakan kerjasama demi kemajuan bersama.

Penambahbaikan dipandu oleh analisis data dan refleksi hasil yang dibincangkan secara berkala dalam Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE), Mesyuarat Perancangan Strategik, Mesyuarat Pengurusan Risiko dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) (BUKTI 1). Antara hasil nyata ialah peningkatan bilangan MoU/MoA serta pencapaian pelaksanaan projek: **Dynamic Linkages 100%, Impactful USR/KTP 100%, dan FACTrepreneurial 91.67%**. Konsistensi dalam pemantauan suku tahunan membolehkan FPN mencapai **skor 83% (5 bintang) dalam i-UiTM Score** (BUKTI 2).

FPN turut memperkenalkan **inovasi berasaskan digital dan impak** seperti penggunaan ICAN Social Impact Tracker dan pelaporan menerusi PRIME Star Rating Dashboard. Inisiatif ini membolehkan pemantauan outcome seperti Happiness Index dan MyAlumni Virtual Card secara berpusat dan sistematik. Program 3U1i Mod Industri telah ditambah baik melalui pemilihan berasaskan merit & mentoring alumni, menyaksikan peningkatan bilangan pelajar berjaya daripada **13 (2024) kepada 36 (2025)** (BUKTI 3).

Data dari ICAN menunjukkan peningkatan progres PI Dynamic Linkages (58% → 83% → 100%), USR/KTP (53% → 79% → 100%) dan Factrepreneurial (75% → 75% → 91.67%) dari suku kedua ke suku keempat (BUKTI 4). Inovasi seperti Hybrid Reflection Modules bagi program SULAM juga diperkenalkan, membolehkan pelajar merekod impak sendiri secara dalam talian, yang kemudiannya dijadikan input kepada penambahbaikan program.

Dalam aspek pengiktirafan, FPN tercalon dalam pelbagai anugerah METIC 13/2024 termasuk Anugerah Kolaborasi Industri, Projek Komuniti Lestari dan Anugerah Kolaborasi Alumni. Penarafan MyRA untuk program Free Market iCare (1 star), i-ASNAF ACT (4 star) (BUKTI 5). dan Zero to Hero (3 star) menjadi penanda aras impak sosial program.

Sebagai mekanisme **maklum balas dan penambahbaikan berterusan**, FPN melaksanakan sesi post-mortem, soal selidik peserta, dan focus group alumni bagi menilai keberkesanan serta mengenal pasti ruang inovasi. Budaya kerja berasaskan kesukarelawan dan libatsama terus dipupuk dalam kalangan pensyarah dan pelajar, mewujudkan suasana fakulti yang aktif, inklusif dan progresif. Inisiatif ini memperkukuh kedudukan FPN sebagai pemangkin impak sosial dan pembangunan mampan seiring aspirasi UiTM untuk menjadi **Globally Respected University 2025**.

SENARAI BUKTI :

1. [F0014_O01_OB05_20251_Bukti-1-FPN_Operasi 6.5.pdf](#)
2. [F0014_O01_OB05_20252_Bukti-2-FPN_Operasi 6.5.pdf](#)
3. [F0014_O01_OB05_20253_Bukti-3-FPN_Operasi 6.5.pdf](#)
4. [F0014_O01_OB05_20254_Bukti-4-FPN_Operasi 6.5.pdf](#)
5. [F0014_O01_OB05_20255_Bukti-5-FPN_Operasi 6.5.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

Hasil Perancangan Strategik: Pencapaian Objektif/Inisiatif Strategik & Keberkesanan Pengurusan Risiko

Perancangan strategik yang mantap, jalinan alumni berdaya mencorak komuniti progresif menghasilkan nilai lestari menjulang FPN cemerlang.

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Perancangan Strategik Fakulti Perakaunan (**PSFPN 2024**) telah dirangka bagi memperkukuhkan tahap **Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan (JAK)** di peringkat global, selaras dengan hasrat UiTM untuk menjadi sebuah universiti terkemuka dunia menjelang tahun 2025. Pelan Perancangan Strategik FPN dibangunkan selari dengan teras perancangan strategik UiTM 2025 (PSUiTM2025) yang dipacu oleh 3 teras utama iaitu *Quality Education, Global Excellence* dan *Value-Driven*. FPN telah menyahut aspirasi tersebut dengan merangka inisiatif berimpak tinggi dan melaksanakan beberapa projek yang bertujuan memperkasakan jalinan bersama alumni serta komuniti dan aktiviti kesukarelawan. **PSFPN 2024** ini juga telah dipetakan dan ditetapkan secara teratur, bersistematik dan realistik bagi memastikan kesemua PI Bahagian Transformasi Universiti yang disasarkan tercapai dengan cemerlang. Ianya didokumentasikan dalam dokumen Pensejajaran Perancangan Strategik FPN 2020-2025.

Tema '**Alumni Berdaya, Komuniti Progresif, Nilai Lestari**' dicetuskan bagi menterjemahkan bidang JAK. 3 projek utama FPN yang dirancang antaranya: **Dynamic Linkages, Impactful USR/KTP Program dan Factrepreneurial** bertepatan dengan tema dan bidang tumpuan yang dipilih. Bagi menyokong pencapaian hasil perancangan strategik, beberapa inisiatif telah dipetakan dan dilaksanakan termasuk **MoU/MoA dengan KPMG, Career Week bersama industri, Pelantikan 24 Alumni Ambassadors, SULAM domestik dan antarabangsa, Bizstart, Pitch Your Product dan Vendor-Student Rack Day**. Beberapa lagi projek turut dijalankan bagi memperkukuh ekosistem kolaboratif yang progresif. Kejayaan pelaksanaan strategi-strategi ini membuktikan komitmen FPN dalam mendokong aspirasi PSUiTM2025 dan melonjakkan:

1. Hasil Penglibatan Alumni
2. Hasil Penjimatan Sumber Kewangan
3. Hasil Pencapaian SKORi-UiTM
4. Hasil Pencapaian Pengurusan Risiko

FPN telah dinobatkan sebagai **penerima Anugerah Khas Timbalan Naib Canselor ICAN Platinum (Kategori Fakulti)**. FPN juga meraih anugerah pencapaian **100% PI ICAN** bagi dua tahun berturut-turut **2023 dan 2024** di **MeTIC13/2024 dan MeTIC14/2025**. Secara keseluruhan FPN berjaya terpilih memenangi **6 anugerah semasa MeTIC14/2025 dan 3 anugerah semasa majlis Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti 2024 (AKPU)**. Ini adalah pengiktirafan terhadap pencapaian **Projek Komuniti: Program Penguasaan Literasi Asas 3M Fakulti Perakaunan bersama Anak-anak Rumah Kasih Harmoni, Projek Alumni Homecoming Fakulti Perakaunan 2024** serta pencapaian graduan FPN tertinggi di dalam kadar kebolehpasaran (96%), graduan ijazah pertama bergaji premium (12%) dan kadar bekerja graduan FPN (96.1%) di kalangan fakulti dalam Gugusan Pengurusan dan Perniagaan. Ini secara tidak langsung menggambarkan **tren menaik dan melebihi sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2024 untuk PI berkaitan bidang tumpuan**.

Kejayaan menandatangani **MOU/MOA** baharu bersama industri antarabangsa, *local partner*

dan juga universiti antarabangsa telah menyumbang kepada hasil **SKORi-UiTM 94.2%** pada tahun 2024 yang secara tidak lansung menyumbang kepada **Purata SKORi-UiTM tertinggi bagi tempoh empat tahun dari 2021 hingga 2024. Skor MyRA 4 bintang juga dapat dikekalkan untuk 3 tahun berturut-turut.** SKORi-UiTM dan Skor MyRA ini memainkan peranan penting dalam memperkukuh imej, reputasi dan ketampakan FPN di peringkat universiti, nasional dan antarabangsa. Pencapaian hasil kecemerlangan skor ini bergerak selari dengan pelaksanaan **PSFPN 2024.**

Keberkesanan penganalisaan perancangan strategik yang sistematik, pengurusan risiko yang cekap, keterlibatan menyeluruh, serta input nilai tambah dari warga telah menyumbang kepada kelestarian kecemerlangan FPN.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_F0014_HB02_20251_Hasil Perancangan Strategik_TAHAP 2025.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_F0014_HB03_20252_Hasil Perancangan Strategik_TREN 2025.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_F0014_HB04_20253_Hasil Perancangan Strategik_PERBANDINGAN 2025.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_F0014_HB05_20254_Hasil Perancangan Strategik_KEPENTINGAN 2025.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

Hasil 3: Kecekapan & Keberkesanan Operasi

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

FPN telah melaksanakan strategi pembangunan menyeluruh berteraskan tiga projek utama JAK – **Dynamic Linkages**, **Impactful USR/KTP** dan **Factrepreneurial**. Melalui pelaksanaan empat inisiatif utama – **Alumni Ambassador**, **Program BizStart**, **Projek Wakaf**, **1Student 1Gadget** dan **Projek Hidroponik** – FPN telah memperkukuh keberkesanan operasi fakulti dalam membina ekosistem mampan yang berfokuskan tema bidang tumpuan; **alumni berdaya, komuniti progresif dan nilai lestari**.

Melalui **projek Dynamic Linkages**, kecekapan operasi fakulti dizahirkan menerusi penstrukturan semula hubungan alumni melalui inisiatif **Alumni Ambassador**. Program ini menjadikan alumni selaku pemangkin strategik kepada pembangunan pelajar melalui bimbingan kerjaya, jaringan industri dan sumbangan Tabung Alumni Prihatin. Berdasarkan indikator **PI079 (bilangan alumni terlibat & sesi bimbingan) dan Objektif Kualiti 11 (bilangan projek USR)**, FPN mampu mengukur impak secara sistematik, memperkukuh strategi *data-driven governance* dalam mempertingkatkan keberkesanan program. Inisiatif ini menyokong **SDG 4, 8, 10, 17**, dan menjadi bukti bahawa pelaburan sosial terhadap alumni mampu menjana pulangan dalam bentuk pengalaman, jaringan dan dana berterusan.

Dalam projek **Impactful USR/KTP**, *kecekapan dan ketelusan* menjadi tunjang kepada kejayaan **Projek Wakaf & 1Student1Gadget**. Program ini menampilkan operasi kebajikan berstruktur melalui sistem agihan makanan mingguan, kupon bantuan, dan pengagihan peranti digital sejak 2020. Dengan penggunaan sistem pemantauan yang telus, alumni dapat menyumbang secara yakin dan konsisten. Sumbangan tidak hanya berbentuk kewangan, malah membentuk budaya *wakaf nilai* seperti Wakaf Buku dan Wakaf Pokok yang menyemai kesedaran ihsan dalam komuniti. Penjana dana dalaman melalui kitar semula dan hasil tanaman menunjukkan keberkesanan model kewangan fakulti yang bersifat *self-sustaining*, selari dengan **SDG 1, 4, 10, 12, 13, 17** dan disokong oleh indikator seperti **PI078, PI080**.

Akhir sekali, **Projek Hidroponik** menyerlahkan *kecekapan operasi hijau fakulti* yang tidak bergantung kepada dana luar. Model “Pokok Angkat” mengintegrasikan pengurusan sumber, kolaborasi staf-pelajar dan ekonomi lestari dalam satu sistem yang mudah diurus. Dalam tempoh enam bulan pertama, lebih RM50 pendapatan bukan yuran dijana dan disalurkan kepada pembelian benih serta kos operasi, merupakan operasi lestari yang cekap dan efisien. **SDG** berkaitan termasuk **SDG 2, 7, 12, 13**, dengan indikator seperti **PI075** digunakan.

Projek **Factrepreneurial** pula memaparkan keberkesanan dalam membina *komuniti progresif dan alumni berdaya* melalui **Program BizStart**. Pelajar diberi ruang menerap nilai **kesukarelawan** secara tidak langsung melalui aktiviti keusahawanan sebenar, bimbingan agensi seperti SSM dan penggunaan aplikasi e-dagang. Kecekapan fakulti terletak pada *penyesuaian kurikulum dengan realiti pasaran*, membolehkan pelajar mengurus strategi harga, kos dan operasi perniagaan sebenar. Data alumni menunjukkan 10-15% graduan terlibat dalam keusahawanan selepas tamat pengajian – satu indikator kejayaan *experiential learning* dan keupayaan fakulti melahirkan generasi yang berdikari dan menyumbang kepada ekonomi setempat (**SDG 4, 8, 9, PI019, PI021**).

Secara keseluruhan, keempat-empat inisiatif ini bukan sahaja memperkukuh keberkesanan operasi fakulti, malah membina asas jitu untuk menjayakan agenda institusi penyayang dan mampan. Strategi ini membuktikan bahawa kecekapan bukan sekadar soal teknikal, tetapi hasil sinergi antara *nilai, pengurusan strategik dan penglibatan komuniti akar umbi*.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_F0014_HB02_20251_H2_F0014_HB02_20251_TAHAP.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_F0014_HB03_20252_H2_F0014_HB03_20252_TREND.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_F0014_HB04_20253_H2_F0014_HB04_20253_COMPARISON.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_F0014_HB05_20254_H2_F0014_HB05_20254_IMPORTANCE.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

Tumpuan Pelanggan- Keberkesanan Penglibatan Pelanggan dan Tahap Kepuasan Hati.

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pada tahun 2024, Fakulti Perakaunan UiTM terus menzahirkan komitmen padu dalam merealisasikan aspirasi universiti melalui pencapaian Hasil Pelanggan yang ditetapkan di bawah Petunjuk Prestasi (PI) universiti. Fokus utama fakulti adalah melahirkan graduan berdaya saing dan berjiwa keusahawanan, memperkukuh kepakaran pensyarah dalam bidang keusahawanan, memperluas penglibatan pelajar dalam program inovasi serta teknologi, dan memberi manfaat kepada komuniti melalui pemindahan ilmu berimpak tinggi. Pencapaian fakulti meliputi beberapa indikator utama iaitu jumlah pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) yang berjaya menjadi usahawan (PI021), bilangan pensyarah yang memiliki kepakaran dalam bidang keusahawanan (PI024), jumlah pelajar yang terlibat dalam program inovasi dan teknologi berasaskan IPT (PI026), serta bilangan komuniti yang menerima manfaat projek penyebaran ilmu (PI079). Kesemua pencapaian ini adalah hasil perancangan strategik, pelaksanaan bersepadu, pemantauan berterusan, dan tindakan penambahbaikan secara sistematik melalui pendekatan Plan, Do, Check, Action (PDCA).

Pada peringkat **perancangan (Plan)**, fakulti menetapkan sasaran jelas selaras dengan Pelan Strategik UiTM serta mengenal pasti program utama yang mampu memacu pencapaian petunjuk prestasi. Antara program dirangka ialah FACTrepreneurial yang memfokuskan pembangunan keusahawanan pelajar, Dynamic Linkages yang memperkukuh kerjasama industri, serta Impactful USR yang menekankan pemindahan ilmu kepada komuniti setempat. Sumber mencukupi dari segi peruntukan kewangan, tenaga pakar, dan jaringan industri turut dikenal pasti bagi memastikan kelancaran pelaksanaan.

Di peringkat **pelaksanaan (Do)**, pelbagai aktiviti digerakkan termasuk kursus dan latihan keusahawanan, pertandingan inovasi, penyertaan pelajar dalam program berasaskan teknologi, serta penyediaan platform latihan dan bimbingan pensyarah untuk meningkatkan kepakaran dalam bidang berkaitan. Fakulti juga giat menganjurkan projek pemindahan ilmu bersama komuniti, melibatkan pelbagai lapisan masyarakat yang memberi manfaat langsung kepada pembangunan sosioekonomi.

Proses **pemantauan (Check)** dilaksanakan secara berkala melalui laporan dalaman, sesi semakan pencapaian, dan perbincangan pasca-aktiviti (post-mortem) bagi menilai keberkesanan program. Hasil pencapaian dibandingkan dengan sasaran, selain mengenal pasti cabaran dan ruang penambahbaikan bagi memastikan setiap aktiviti memberi impak maksimum.

Berdasarkan hasil pemantauan, **tindakan penambahbaikan (Action)** dilaksanakan secara proaktif termasuk memperkukuh promosi program, meningkatkan penyertaan pelajar dan pensyarah, memperluas kerjasama strategik dengan industri serta agensi luar, dan memperbaiki pendekatan penyampaian program agar lebih menarik dan relevan dengan keperluan semasa. Fakulti turut menyediakan sokongan tambahan kepada kumpulan sasaran yang memerlukan bimbingan khususnya dalam melahirkan usahawan muda serta pensyarah berdaya inovasi. Sekiranya terdapat pencapaian yang tidak mencapai sasaran, fakulti akan menjalankan analisis punca kegagalan (root cause analysis) untuk mengenal pasti isu sebenar. Langkah seterusnya termasuk memperkemas reka bentuk program, memperbaiki kaedah komunikasi, memperkukuh kerjasama alumni dan industri, serta menyediakan pelan pemulihan jangka pendek dan panjang.

Kesimpulannya, Fakulti Perakaunan UiTM yakin pencapaian Hasil Pelanggan pada tahun 2024

mencerminkan **usaha kolektif** seluruh warga fakulti dalam menjayakan agenda transformasi universiti. Dengan pendekatan PDCA yang diamalkan secara berterusan, fakulti optimis untuk terus memacu kejayaan cemerlang pada masa depan, sekali gus memberikan impak positif kepada pelajar, pensyarah, komuniti dan negara.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_F0014_HB02_20251_TAHAP.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_F0014_HB03_20252_TREN.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_F0014_HB04_20253_PERBANDINGAN.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_F0014_HB05_20254_KEPENTINGAN.pdf](#)